



TERAS

Keluaran Pertama

Jun 2007 | Pejabat Pendaftar | UTeM

Pertukaran Pelantikan Staf Sempena Pertukaran Nama Universiti

...ara Eksklusif:
Pejabat Pendaftar UTeM

LG
173
.M44
.T47
2007
a

...aftar ke Arah
9001:2000



...unan Sumber Manusia
...latihan 2007: RM825,000

Kelulusan Perjawatan 2007

isi kandungan

1.0 Isi Kandungan & Sidang Redaksi

03

2.0 Pena

- Kata-kata Aluan Naib Canselor
- Kata-kata Aluan Pendaftar
- Dari Meja Ketua Editor

04

3.0 Sekilas Pandang

- Pejabat Pendaftar, UTeM

07

4.0 Personaliti

- Wawancara Bersama Encik Hasan Bin Sirun (Pendaftar, UTeM)
- Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

09

5.0 Fokus

- Pertukaran Pelantikan Staf Sempena Pertukaran Nama Universiti
- Pejabat Pendaftar Ke Arah Persijilan ISO 9001:2000

18

6.0 Renungan

- Kepentingan Menjaga Amanah Di Dalam Kehidupan
- Kerja Sebagai Satu Ibadah

24

7.0 Rencana

- Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)
- Garis Panduan Pengesahan Dalam Perkhidmatan

28

8.0 Info

- Unit Pembangunan Sumber Manusia:
- Terima Bajet Latihan Tahun 2007 Sebanyak RM 825,000
- Perkembangan Terkini Staf
- Berita Bergambar
- Kegiatan Kelab Staf Pejabat Pendaftar (STAR)

32

9.0 Sisipan

- Kelulusan Perjawatan 2007 daripada Agensi Pusat
- Perancangan Aktiviti Pejabat Pendaftar April-Jun 2007

37

10.0 Majlis 'Soft Launch' Nama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

40



KATA-KATA ALUAN PENDAFTAR

LG173.M44 .T47 2007



87515788

Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka	
No. Perolehan M44	No. Panggilan LG 173 .M44 .T47
Tarikh 14 AUG 2008	

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnianya terhasillah penerbitan buletin sulung Pejabat Pendaftar yang dikenali sebagai TERAS. Tahniah dan syabas diucapkan kepada sidang redaksi dan semua pihak yang berhempas pulas menjayakan penerbitan ini.

Perkhidmatan awam kini sedang berhadapan dengan perubahan persekitaran yang dinamik. Antaranya ialah keperluan pekerja berpengetahuan (Knowledge Workers), penguasaan ICT, tadbir urus yang baik (Good Governance) dan ekspektasi stakeholder dan pelanggan yang semakin meningkat. Oleh itu, Perkhidmatan awam perlu memberi penekanan kepada penguasaan ilmu pengetahuan, peningkatan kemahiran dan pengalaman ciri-ciri peribadi yang positif. Perkhidmatan awam juga perlu mengamalkan budaya pembelajaran yang berterusan serta sistem pengurusan fleksibel yang berupaya bertindak secara proaktif dan berkesan.

Salah satu faktor pengurusan sumber manusia yang strategik ke arah mencapai kecemerlangan perkhidmatan awam ialah keupayaan sumber tenaga manusia yang dimiliki boleh bersaing dan menjadi penggerak utama menyokong dan melaksanakan pembaharuan, pengubahsuaian, penciptaan semula kepada sistem dan data proses pengurusan terutama di dalam konteks pembangunan pengurusan sumber manusia di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Secara asasnya buletin ini mengenengahkan segmen-segmen berupa rencana, laporan peristiwa, ruangan tokoh, panduan-panduan pengurusan, rakaman peristiwa-peristiwa penting Universiti dan sebagainya. Diharapkan penerbitan TERAS akan menjadi jambatan atau sumber maklumat yang berkesan terutama hal-hal yang melibatkan perkhidmatan untuk warga Universiti ini, Insya-Allah.

Sekian Wassalam.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Salam Hormat,

En. Hasan bin Sirun
Pendaftar UTeM



Dari Meja Ketua Editor

Syukur saya ke hadrat Allah s.w.t kerana diberi peluang mencoret sepatah dua kata dalam ruangan ini sebagai coretan sulung selaku ketua editor.

Pengaruh globalisasi, liberalisasi ekonomi dalam teknologi maklumat dan komunikasi ke atas segenap aspek kehidupan kita semakin ketara, cara kita berfikir, bertindak serta menjalankan aktiviti bermasyarakat, melaksanakan aktiviti ekonomi dan berurusan telah dan akan terus berubah dengan pesatnya sejajar dengan perkembangan ini.

Pejabat Pendaftar sentiasa peka kepada perubahan yang berlaku di dalam persekitaran ini sebagai sebuah pejabat yang bertanggungjawab terhadap pengurusan sumber manusia bagi Universiti ini. Pejabat ini sentiasa berusaha untuk memberikan maklumat dan menyediakan perkhidmatan secara yang cepat dan menepati kehendak pelanggannya.

Sehubungan itu, penerbitan buletin ini adalah tepat pada waktunya sebagai saluran yang bermanfaat bagi semua. Pemilihan namanya sebagai TERAS yang bermaksud "kekuatan", "asas", "tulen", dan "murni" amat tepat dan berpadanan sekali yang mencerminkan ciri-ciri yang perlu ada dalam sesebuah pejabat dan individu-individu yang berada di dalamnya.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua staf di semua unit dan bahagian di Pejabat Pendaftar yang selama ini berusaha gigih bagi merealisasikan penerbitan buletin ini. Insya-Allah, Allah Yang Maha Esa akan memberkati segala usaha murni kita selama ini.

Akhir kata, saya amat mengalu-alukan pandangan yang membina untuk memantapkan lagi buletin ini pada masa-masa akan datang.

Sekian, terima kasih .

Wassalam

Salam hormat,

Muahad Sopian Bin Baharom
Ketua Editor TERAS

PEJABAT PENDAFTAR, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

Pejabat Pendaftar telah ditubuhkan sejajar dengan pelantikan Pendaftar pada tanggal 2 Januari 2001. Pelantikan ini secara tidak langsung memberi signifikan yang penting terutama tanggungjawab utama Pendaftar dalam pembangunan sumber manusia Universiti di samping penyediaan panduan-panduan perkhidmatan yang betul bagi menggerakkan universiti terutama dalam konteks usia universiti yang baru berusia setahun jagung pada waktu itu.

Di peringkat awal penubuhannya, lokasi Pejabat Pendaftar terletak di deretan rumah kedai di kawasan Taman Tasik Utama, Ayer Keroh. Dalam suasana yang serba kekurangan dan kepayahan sama ada dari segi kekuatan staf, kemudahan infrastruktur dan sebagainya Pejabat Pendaftar utuh memainkan fungsinya

Di dalam usia universiti mencecah usia tujuh (7) tahun, Pejabat Pendaftar terus berkembang pesat sejajar dengan perubahan dan kemajuan yang berlaku di universiti. Perpindahan universiti ke Kampus Industri merupakan satu momentum yang positif kepada seluruh warga universiti dan Pejabat Pendaftar. Perpindahan ini telah memberi seribu rahmat kepada Pejabat Pendaftar kerana Kampus Industri merupakan sebuah kawasan yang lebih baik berbanding dengan deretan rumah kedai sebelum ini. Perpindahan ini telah melahirkan 'environment' kerja yang lebih selesa dan suasana kerja yang lebih kondusif kepada staf.

Buat masa ini dari segi kekuatan staf Pejabat Pendaftar memiliki seramai 111 orang staf yang terdiri daripada 18 orang pegawai dan 93 orang staf daripada kumpulan sokongan. Staf-staf ini ditempatkan di lima (5) bahagian



Barisan Pegawai-Pegawai Tadbir Pejabat Pendaftar. Dari kanan: Pn Marsita binti Mohd Taib, Pn Norihan bt Abu Nawar, En Mohd Nawawi bin Muhamad, Tuan Hj Razali bin Abd. Jalil, En Azly Hisham bin Haron, En Misdom bin Lan, En Farudin Hanif bin Ya'amah, En Azhar bin Mohamed, Pn Siti Norani binti Dolah dan Cik Nur Azriah bt Amir
Depan dari kanan: En Masdzarif bin Mahaf, En Muhammad Sopian bin Baharom, En Wahi bin Nordin, En Hasan bin Sirun, En Zainal bin Bidin, En Mohd Nizam bin Pavel dan Kapt. (B) Abdul Wahid bin Sulaiman

sebagai 'key player' dalam mengendalikan urusan-urusan yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan sumber manusia universiti. Pelbagai cabaran yang ditempuhi oleh Pejabat Pendaftar tidak mematahkan semangat warganya untuk terus memberi perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti. Sehubungan itu Pejabat Pendaftar bukan sahaja dijadikan sebagai pusat rujukan dan 'role model' malahan sedikit sebanyak telah menyumbang kepada kepesatan dan kemajuan yang telah dicapai oleh universiti pada hari ini. Justeru visi Pejabat Pendaftar yang berbunyi "Menjadi Pusat Rujukan Dan Kecemerlangan Pentadbiran Universiti" sememangnya tepat dan sewajarnya terus dijunjung seterusnya dipertahankan warganya bagi merealisasikan Visi dan Misi Universiti.

utama yang terdapat di Pejabat Pendaftar. Bahagian-bahagian ini merangkumi Bahagian Pembangunan Organisasi dan Sumber Manusia yang berperanan membangunkan sumber manusia universiti melalui unit-unit yang telah ditubuhkan di bahagian ini seperti Unit Pembangunan Sumber Manusia, Unit Pengesahan Perkhidmatan, Unit Penilaian Tahap Kecekapan dan Jabatan Pembangunan Sahsiah. Manakala satu unit di Bahagian ini iaitu Unit Pengurusan Organisasi menguruskan hal-hal pentadbiran Pejabat Pendaftar dan mengendalikan hal-hal perubahan dan pakaian seragam untuk semua staf universiti. Bahagian seterusnya di Pejabat Pendaftar yang memainkan fungsi yang penting kepada universiti ialah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Bahagian ini bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas perjawatan, urusan-urusan berkaitan perkhidmatan, urusan-urusan pencen dan

sebagainya. Seterusnya Bahagian Pengurusan Akademik yang merupakan salah satu bahagian di Pejabat Pendaftar merupakan 'niche area' universiti kerana bahagian ini bertanggungjawab sepenuhnya dalam urusan akademik pelajar mulai daripada proses kemasukan, peperiksaan, konvokesyen dan sebagainya.

Bahagian seterusnya di Pejabat Pendaftar ialah Bahagian Keutuhan Pengurusan. Bahagian ini bertanggungjawab dalam urusan menguruskan mesyuarat-mesyuarat utama universiti seperti mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Mesyuarat Eksekutif (ME) dan mesyuarat-mesyuarat lain yang tidak kurang pentingnya. Di Bahagian ini juga terdapat satu unit yang dinamakan Unit Undang-Undang & Tata tertib yang berperanan sebagai penasihat universiti yang melibatkan hal-hal perundangan dan bertanggungjawab dalam pelaksanaan tindakan tata tertib dan disiplin kepada staf. Manakala bahagian terakhir yang terdapat di Pejabat Pendaftar ialah Bahagian Keselamatan. Bahagian ini bertanggungjawab memastikan keamanan dan kestabilan keselamatan Universiti sentiasa terpelihara daripada sebarang anasir atau gangguan daripada perkara-perkara yang tidak diingini.

Secara umumnya, peranan Pejabat Pendaftar sebagai nadi pentadbiran di UTeM sememangnya tidak dapat dinafikan. Diharapkan dengan perkembangan-perkembangan positif atau prestasi yang ditunjukkan oleh Pejabat Pendaftar setakat ini tidak membuatkan staf-staf Pejabat Pendaftar dibuai oleh mimpi-mimpi indah kerana kompleksiti kesukaran kerja akan bertambah dari semasa ke semasa. Sehubungan itu staf-staf Pejabat Pendaftar dituntut di dalam merealisasikan visi dan misi universiti untuk bekerja dengan penuh profesionalisme, adil dan prihatin, berusaha menambah ilmu pengetahuan di samping dapat menjalankan tugas dengan penuh keikhlasan, dedikasi dan berkeyakinan demi mencapai kecemerlangan dan kegemilangan untuk universiti, agama, bangsa dan negara.



Staf Pejabat Pendaftar akan sentiasa memberikan panduan kepada staf-staf Universiti yang memerlukan khidmat nasihat dalam menguruskan urusan perkhidmatan di Universiti ini.

PERSONALITI



Wawancara Bersama Pendaftar



KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN

Pada keluaran sulung ini, TERAS telah memilih Yang Berusaha Tuan Pendaftar untuk mengisi ruangan WAWANCARA BERSAMA TERAS. TERAS telah berkesempatan mengadakan sesi wawancara untuk mengetahui pemikiran dan harapan beliau terhadap beberapa isu pembangunan Universiti secara keseluruhannya.

KEGAGALAN ADALAH PERUBAHAN SEMENTARA UNTUK ANDA MEMPERBETULKAN DIRI
ANDA UNTUK KEJAYAAN SETERUSNYA ~ DENIS WAITLEY



TERAS 1:

Bolehkah Tuan Pendaftar ceritakan serba sedikit tentang latar belakang pendidikan dan pengalaman kerjaya sehingga kini?

PENDAFTAR:

Saya dilahirkan di Kuala Sungai Baru, Melaka pada 1960. Pendidikan sekolah rendah saya bermula di All Saint Primary School Taiping, Perak kemudian di Government English Primary School, Port Dickson kemudian di Saint Thomas Primary School Kuantan, Pahang. Manakala sekolah menengah pula bermula di Saint Thomas Secondary School, Kuantan kemudian di Sekolah Tinggi Port Dickson Negeri Sembilan. Begitulah sifat pendidikan berpindah-randah bagi anak-anak anggota tentera. Saya melanjutkan pelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi dan bergraduat dengan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi pada 1984. Saya mula berkhidmat di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Jalan Semarak, Kuala Lumpur pada Disember 1984 sebagai Pegawai Tadbir, kemudian berpindah ke UTM Skudai, Johor pada 1990. Pada 1994 saya dipinjamkan ke Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP) di peringkat awal penubuhan dan seterusnya PLSP dinaik-taraf sebagai Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO) pada 1996. Kemudian saya dipinjamkan sebagai di antara tenaga penggerak pada peringkat awal penubuhan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM), Melaka pada 2001 dan kini masih bersama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

TERAS 2:

Pejabat Pendaftar akan menerbitkan buletin TERAS mulai 2007. Apakah pandangan dan harapan Tuan Pendaftar terhadap TERAS?

PENDAFTAR:

Pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat terutamanya kepada sidang redaksi TERAS. Saya yakin dan percaya bahawa perancangan yang rapi dan komitmen yang tinggi dari sidang redaksi diperlukan untuk menerbitkan buletin seumpama ini. Saya juga berharap agar TERAS ini diterbitkan secara konsisten dan tidak terhenti di pertengahan jalan kerana ketandusan berita dan maklumat. TERAS ini boleh dijadikan sebagai wadah utama saluran maklumat pentadbiran kepada warga Universiti keseluruhannya.

TERAS juga boleh dijadikan sebagai alat untuk menyalurkan maklumat-maklumat berhubung tadbir urus sumber manusia termasuk penjelasan dasar-dasar perkhidmatan, pekeliling-pekeliling, pengurusan perjawatan dan perkhidmatan. Melalui TERAS, Pejabat Pendaftar berharap dapat berkongsi maklumat mengenai prosedur dan proses pengurusan permohonan perjawatan, pengesahan perkhidmatan, cuti, rekod perkhidmatan, perubatan staf, peperiksaan jabatan, penilaian tahap kecekapan, penilaian prestasi, pengurusan sistem akademik, pengurusan keselamatan universiti dan pengurusan latihan, bengkel dan seminar oleh pengurusan Pejabat Pendaftar dari masa ke semasa. Syabas dan Tahniah sekali lagi daripada saya.

“...kepemimpinan mesti bermula pada diri manusia itu sendiri. Paling tidak, kita mesti menjadi pemimpin kepada diri kita sendiri.”

TERAS 3:

Dengan pengalaman dalam pentadbiran universiti selama 23 tahun Tuan Pendaftar sudah tentu telah melalui liku-liku pengalaman yang amat berguna dan sejarah yang panjang dalam pentadbiran universiti. Dari kedudukan sebagai seorang Pegawai Tadbir sehingga kini sebagai Pendaftar, iaitu suatu kedudukan yang tinggi dalam hierarki kepimpinan universiti. Apa yang dapat Tuan kongsi dengan TERAS berkaitan 'pendakian' dan pengalaman kepeimpinan Tuan?

PENDAFTAR:

'Pendakian' dari seorang Pegawai Tadbir kepada Pendaftar itu semua hakikat takdir dan ketentuan Ilahi ke atas hambaNya. Pengalaman 'pendakian' sememangnya banyak tetapi bagaimana untuk saya ceritakan dalam ruang yang amat terbatas ini? Apa yang dapat saya simpulkan begini, dalam pendakian bukan gunung yang kita tawan tetapi diri kita sendiri.

Walau bagaimanapun, berkaitan pengalaman kepeimpinan, untuk keluaran sulung TERAS biarlah saya sentuh secara lebih ilmiah berdasarkan pengalaman yang dilalui.

Untuk memulakan perbincangan isu kepeimpinan, saya suka mulakan kepada perkara paling dasar iaitu kepimpinan mesti bermula pada diri manusia itu sendiri. Paling tidak, kita mesti menjadi pemimpin kepada diri kita sendiri. Pada hakikatnya kepeimpinan diri adalah tahap kepeimpinan yang paling kritikal dan terpenting. Kemudian kepimpinan akan berlaku dalam semua peringkat sesuai dengan peranan dan kedudukan seseorang. Kepeimpinan menjadi tanggungjawab setiap di antara kita. Isu kepeimpinan diri ini, ingin saya rumuskan sedemikian iaitu pada hakikatnya seseorang itu yang gagal memimpin dirinya tidak akan boleh memimpin.





“...Saidina Umar Al-Khattab pernah menyimpulkan bahawa kepeimpinan mesti memiliki empat sifat iaitu bersantun tetapi bukan lemah; bertegas tetapi bukan bangga; berhemah tetapi bukan kikir (bakhil) dan pemaaf. Jika salah satu sifat ini hilang, sifat-sifat yang lain juga turut hilang.”

Rasulullah s.a.w juga bersabda bahawa ‘*Sesungguhnya setiap kamu adalah pemimpin dan mestilah bertanggung-jawab ke atas pimpinan kamu*’.

Mengapa saya bangkitkan kepeimpinan diri itu sebagai amat penting. Saya bangkitkan perkara ini kerana ia ada kaitan dengan contoh atau pengaruh teladan. Sifat manusia amat mudah terpengaruh dengan teladan yang dilihatnya lebih-lebih lagi daripada personaliti yang menjadi perhatian umum seperti seorang pemimpin. Seseorang yang memimpin sesuatu organisasi akan sentiasa menjadi perhatian dan tumpuan pekerjaanya.

Percayalah, kita sendiri apabila berbicara atau melakukan sesuatu perkara, kita tidak melihat diri kita tetapi orang lainlah yang sedang mendengar dan memerhati tindakan kita itu. Mereka akan menilai apa yang kita tuturkan dan apa yang kita lakukan.

Justeru itu adalah sesuatu yang amat mengelirukan apabila seseorang itu memberikan nasihat yang baik tetapi beliau sendiri tidak memberi contoh teladan yang baik. Sebab itu contoh teladan yang baik lebih bernilai dan berkesan daripada nasihat yang baik.

Dari aspek kepeimpinan dalam sesebuah organisasi pula, ianya mesti bersandarkan kepada pentadbiran. Kepeimpinan dalam sesebuah organisasi merujuk kepada pemimpin yang dapat

menetapkan halatuju organisasi dan dapat mendorong dalam menggerakkan sumber-sumber untuk pencapaian matlamat organisasi. Itu adalah asas kepeimpinan sesebuah organisasi.

Kebolehan memimpin adalah berbeza dengan kebolehan mengurus dan mentadbir walaupun ianya mesti selari. Sementara, pengurusan yang baik membawa natijah penambahbaikan kepada kualiti perkhidmatan, kepeimpinan yang baik pula mampu membawa warga organisasi berubah sejajar dengan perubahan persekitaran untuk mencapai kecemerlangan. Seorang pengurus adalah gagal jika ia tidak mampu memimpin begitu juga juga seorang pemimpin akan gagal jika ia tidak mampu mengurus.

Kepimpinan didefinisikan sebagai suatu peranan dan proses mempengaruhi orang lain. Pemimpin mesti berupaya mempengaruhi orang lain kerana dia diberi kedudukan yang tertentu dan boleh bertindak sesuai dengan kedudukannya itu.

Oleh yang demikian, pemimpin mesti berpengaruh dalam melaksana dan mencapai matlamat organisasi. Tetapi pemimpin yang benar-benar merupakan seseorang pemimpin yang beramanah ialah seorang yang memimpin dan bukan yang menggunakan kedudukan untuk memimpin.

Saya suka rumuskan perbincangan isu kepeimpinan ini dengan menyingkap Saidina Umar Al-Khattab pernah menyimpulkan bahawa kepeimpinan mesti memiliki empat sifat iaitu bersantun tetapi bukan

“Perkara paling penting pada diri pentadbir ialah kita mesti menjadi ‘resource person’. Sebagai ‘resource person’ barulah kita boleh berperanan sebagai pegawai penghubung, penasihat, pelaksana dan pemimpin.”

Tuan telah banyak membincangkan tentang kepeimpinan. Bagaimana pula pandangan Tuan tentang pekerja atau staf yang baik?

PENDAFTAR:

Dalam sesebuah organisasi, staf yang baik ialah yang mengelakkan persaingan dengan pemimpin, dapat berperanan dan melaksanakan tanggungjawab dengan penuh setia serta bersedia untuk melakukan perubahan ke arah penambahbaikan dan serentak dengan itu bersedia berhadapan dengan idea, nilai dan tingkah laku pemimpin mereka secara positif dan membina.

TERAS 6:

Bagaimana pula harapan Tuan Pendaftar kepada pentadbir-pentadbir di Universiti ini dalam merealisasikan misi dan visi Universiti?

PENDAFTAR:

Siapakah yang saudara anggap Pentadbir? Kalaulah pentadbir itu dirujuk kepada Pendaftar dan Penolong Pendaftar, anggapan itu salah. Pentadbir Universiti selain Pendaftar juga Naib Canselor, Timbalan-timbalan Naib Canselor, Bendahari, Pengarah Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset, Pengarah Pusat Komputer, Ketua Pustakawan dan Dekan-dekan Fakulti serta Pengarah Pusat Tanggung Jawab. Gabungan dan penyatu-paduan pentadbir-pentadbir inilah sebenarnya yang membentuk kepeimpinan di Universiti ini. Bukankah telah saya katakan awal tadi betapa kepeimpinan Universiti adalah kompleks dan unik kerana perbezaan-perbezaan tersebut.

lemah; bertegas tetapi bukan bangga; berhemah tetapi bukan kikir (bakhil) dan pemaaf. Jika salah satu sifat ini hilang, sifat-sifat yang lain juga turut hilang.

TERAS 4:

Tuan selalu menyebutkan bahawa kepeimpinan di sesebuah institusi pengajian tinggi adalah berbeza berbanding dengan organisasi yang lain. Boleh tuan ulaskan lebih lanjut?

PENDAFTAR:

Ya, saya memang ada menyebut perkara ini. Sememangnya kepeimpinan sesebuah organisasi atau institusi akademik adalah berbeza berbanding organisasi lain. Perbezaan ini wujud oleh kerana corak struktur organisasi dan tadbir urus di institusi pengajian tinggi tidak sama seperti di sektor awam yang lain dan sektor swasta. Tadbir urus sesebuah universiti adalah amat kompleks.

Antara yang utamanya ialah merangkumi tadbir urus pengajaran dan pembelajaran, tadbir urus penyelidikan, perundingan, inovasi dan hubungan industri, tadbir urus sumber manusia, tadbir urus harta atau ‘estate’, tadbir urus kewangan, tadbir urus ICT, tadbir urus harta intelek dan yang lain-lain lagi. Itu dari segi tadbir urusnya malah dari segi konsepnya juga kompleks.

Dalam satu aspek, kini universiti harus menjadi ‘businesslike’, bertindak ‘commercially’, berfikir ‘corporately’, dan memberi khidmat ‘customers and clients’ secara berkesan. Kalau begitu persekitarannya bagaimanakah bentuk kepimpinan yang diperlukan untuk mentadbir dan mengurus sebuah Universiti? Kepeimpinan di Universiti haruslah merangkumi tiga aspek utama iaitu **kepeimpinan pengurusan** ataupun pentadbiran yang terdiri daripada kalangan pentadbir universiti yang keupayaan mereka amat diperlukan dalam penyediaan hala tuju untuk universiti, menetapkan objektif-objektif, perancangan strategi, sumber manusia, kewangan, fizikal dan sebagainya untuk mencapai matlamat tersebut; kemudian **kepeimpinan intelektual** yang merujuk kepada komuniti staf akademik kerana staf akademik merupakan komuniti intelektual dalam pelbagai bidang

PERGAULAN MEMPENGARUHI DIDIKAN OTAK. OLEH ITU, UNTUK KEBERSIHAN JIWA HENDAKLAH BERGAUL DENGAN ORANG-ORANG BERADAB DAN BERBUDI MULIA YANG DAPAT KITA KUTIP

MANFAATNYA--(HAMKA).





Menjawab kepada persoalan TERAS berhubung harapan saya kepada pentadbir-pentadbir Universiti seperti pegawai tadbir, akauntan, jurutera, pegawai sistem maklumat, pustakawan, pereka grafik, pengurus asrama dan seumpamanya bahawa perkara paling penting pada diri pentadbir ialah kita mesti menjadi 'resource person'. Sebagai 'resource person' barulah kita boleh berperanan sebagai pegawai penghubung, penasihat, pelaksana dan pemimpin.

Bagaimana untuk menjadi 'resource person'. Ia mesti dilakukan dengan kita mesti menghayati peranan atau 'role' sebagai pentadbir, fungsi dan cabaran tugas. Berfikirlah secara berlainan untuk mewujudkan budaya kecemerlangan, budaya pembelajaran dan budaya perubahan dan bersedia untuk melakukan anjakan paradigma dalam aspek pentadbiran untuk penambahbaikan yang berterusan.

TERAS 7:

Melalui Perutusan Tahunan Naib Canselor pada 1 Februari 2007 yang lalu, Y.Bhg Datuk Prof. Naib Canselor ada menyatakan bahawa tema tahun 2007 ialah "Pembudayaan Kecemerlangan Akademik". Apa pandangan Tuan?

PENDAFTAR:

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Y.Bhg. Datuk Prof. Ismail bin Hassan di atas pelantikan beliau sebagai Naib Canselor pertama UTeM. Begitu juga kepada kedua-dua Timbalan Naib Canselor beliau. Saya suka juga mengucapkan tahniah kepada Y.Bhg. Datuk di atas perutusan beliau tersebut yang amat baik dan bertenaga. Pada julung kalinya Naib Canselor telah menwar-warkan tema 'Pembudayaan Kecemerlangan Akademik'. Pemilihan tema 'Pembudayaan Kecemerlangan Akademik' pada Perutusan Naib Canselor 2007 mencerminkan iltizam dan kesungguhan Naib Canselor dengan gagasan penting ini. Ia perlu didokongi bersama oleh seluruh warga Universiti. Pemilihan tema sesuatu kegiatan tahunan tidak bermakna penerapan nilai dan idea dalam menjayakan setiap aktiviti hanya berlaku pada tahun tertentu sahaja. Saya percaya pernyataan Datuk Naib Canselor melalui pemilihan tema tersebut mencerminkan pendekatan strategik Naib Canselor supaya tema tersebut dapat membabitkan kesedaran yang mesti diiktiraf dan dikembangkan serta dihayati selama-lamanya oleh warga Universiti.

"...percayalah bahawa ilmu adalah datang dari ALLAH dan menjadi hak kita semua, oleh itu pelajarilah dan kuasailah semua bidang ilmu kalau mampu tetapi jika tidak boleh menguasai semua, kita harus menguasai secukupnya untuk keperluan tugas hakiki kita."

TERAS 8:

Maaf Tuan Pendaftar, saya ingin mencelah perbincangan ini dengan membawa tanggapan pihak tertentu bahawa pembudayaan kecemerlangan akademik adalah tuntutan terhadap ahli akademik sahaja, tidak kepada staf lain termasuk pentadbir. Ahli-ahli akademik mesti mendokongi budaya tersebut manakala yang lain hanya menyokong sahaja. Apa pandangan Tuan?

PENDAFTAR:

Tanggapan tersebut tidak tepat dan saya percaya kekeliruan ini perlu diperbetulkan dan diperjelaskan kepada semua peringkat warga Universiti ini. Contohnya, dalam konteks pentadbir, ianya selalu dimengertikan dalam ruang lingkup sekadar menyelia, mengatur dan mengurus. Dalam erti kata lain, pentadbir hanyalah dilihat melaksanakan perkara-perkara yang telah diputuskan oleh pihak pengurusan sedangkan pentadbir amat berkait rapat dengan proses memikir dan meneliti sesuatu

perkara secara mendalam sehingga seseorang pentadbir itu mampu dan boleh melihat akibatnya. Sebab itulah antara dua syarat penting yang dituntut daripada pentadbir ialah keupayaan melakukan keputusan dan berlaku adil dalam semua perkara. Pentadbir yang tidak berbudaya ilmu bukanlah seorang pentadbir. Untuk membolehkan pentadbir memiliki keupayaan ini mereka mesti berbudaya ilmu.

Nasihat saya kepada semua staf terutama kepada pentadbir dan staf sokongan, budaya kecemerlangan akademik juga bermaksud budaya kecemerlangan ilmu, percayalah bahawa ilmu adalah datang dari ALLAH dan menjadi hak kita semua, oleh itu pelajarilah dan kuasailah semua bidang ilmu kalau mampu tetapi jika tidak boleh menguasai semua, kita harus menguasai secukupnya untuk keperluan tugas hakiki kita. Memperolehi ilmu boleh dalam pelbagai cara seperti menerusi sistem pendidikan formal yang diikuti oleh staf akademik mungkin merupakan landasan pendidikan yang sempurna tetapi perolehan ilmu melalui pengalaman yang biasanya dilalui oleh pentadbir juga amat bernilai.

Kita selalunya terus sahaja memahamkan bahawa pembudayaan kecemerlangan akademik adalah menyemarakkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan inovasi, penerbitan ilmiah, penganjuran persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa, seminar, bengkel, forum, ceramah, dialog, penerbitan buletin, jurnal, lawatan akademik, menterjemahkan karya-karya yang mashyur dan jalinan hubungan universiti-industri dan sebagainya yang mana kesemua ini merujuk kepada staf akademik. Pentadbir juga boleh melakukan semua aktiviti-aktiviti yang tersebut tertakluk kepada kesesuaian persekitaran tugas hakikinya.

Sebagai pentadbir kita sentiasa diminta menyampaikan sistem perkhidmatan (*service delivery system*) yang terbaik. Justeru itu dalam perkhidmatan, inovasi adalah amat penting. Inovasi merujuk kepada penghasilan penambahbaikan kepada sistem penyampaian perkhidmatan sedia ada yang dapat mempertingkatkan lagi tahap kepuasan pelanggan kita. Membudayakan inovasi adalah selari dengan pembudayaan kecemerlangan akademik atau ilmu.

TERAS 9:

Sehingga kini apakah Tuan Pendaftar berpuas hati dengan pencapaian dan prestasi pentadbir dari kalangan Pegawai Tadbir dan staf sokongan pentadbiran keseluruhannya?

PENDAFTAR:

Kalau berdasarkan kriteria dan penilaian saya sendiri, saya mungkin jawab 'tidak' tetapi kalau berdasarkan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan secara menyeluruh saya jawab 'Ya'. Baiklah saya ingin kemukakan soalan pula kepada 'TERAS' dan pembaca TERAS. Terdapat tiga (3) ketegori staf. Pertama yang sentiasa melakukan dan menyelesaikan kerja separuh siap atau kurang



sempurna. Kedua melakukan kerja hampir siap atau hampir sempurna dan ketiga dapat melakukan 100% siap atau cukup sempurna. Saudara berada di kategori atau golongan yang mana? Hakikatnya, sebahagian besar akan datang kepada saya dan berkata bahawa mereka adalah daripada kategori pertama dan kedua dengan pelbagai alasan. Kategori ketiga adalah sedikit dan sesungguhnya staf yang 'self-motivated' dan 'self-supervised' amatlah sedikit. Dalam perkara ini Rasulullah s.a.w. pernah bersabda bahawa 'manusia ibarat unta, anda tidak dapat mengenderainya dengan selesa walaupun telah mencuba seratus ekor' dan setiap di antara kita ada ketikanya akan menjadi penunggangnya atau menjadi untanya.

TERAS 10:

Soalan terakhir TERAS, apa harapan Tuan Pendaftar akan peranan Pejabat Pendaftar dalam pembangunan Universiti ini?

PENDAFTAR:

Menyentuh pula peranan Pejabat Pendaftar dalam pembangunan Universiti, secara perbandingannya saya katakan ia bagaikan peranan tulang belakang kepada struktur tubuh manusia. Namun begitu, keadaan tulang belakang semata-mata tidak mencukupi untuk suatu bentuk tubuh dan kehidupan yang sempurna melainkan semua bahagian pada tubuh manusia itu dapat berfungsi dan berperanan dengan baik. Walaupun dalam satu tubuh yang sama peranan tulang belakang berbeza dengan bahagian-bahagian lain tapi ia saling lengkap melengkapi. Begitu jugalah peranan Pejabat Pendaftar yang lebih memfokuskan kepada tadbir urus sumber manusia yang mencakupi pelbagai urus tadbir perjawatan, perkhidmatan, latihan sumber manusia dan seumpamanya. Pejabat Pendaftar mempunyai fungsi tersendiri, justeru itu memahami akan peranan ('role') adalah amat penting bagi menjayakan fungsi yang ditetapkan tersebut dan segala-galanya adalah bergantung kepada keupayaan penyandanginya. Keupayaan staf pula merujuk kepada tahap pengetahuan ('knowledge'), skill dan sikap ('attitude') staf itu sendiri.

Akhir kata, permintaan saya kepada semua staf Pejabat Pendaftar, bersama-samalah kita hayati nilai-nilai kecemerlangan dengan menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti, menepati 'Standard of Procedure' (SOP), tepat pada waktunya ('timely') serta cukup sempurna memenuhi kehendak pelanggan pada ketika ia berlaku ('timeliness').

Hadith:

Dari Nawwas bin Sam'an al-Anshari r.a katanya, "Aku pernah bertanya kepada Rasulullah SAW tentang erti kebajikan dan dosa. Sabda baginda: "Kebajikan itu ialah budi pekerti yang indah. Sedangkan dosa adalah perbuatan atau tindakan yang menyesakkan dada, padahal engkau sendiri segan sekiranya perbuatanmu itu diketahui oleh orang lain." - (Muslim)

PERSONALITI

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)

Sejarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Dengan kelulusan pelantikan Pendaftar pertama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia iaitu YBhg. Encik Hasan Bin Sirun pada **1 Januari 2001** maka tugas dan tanggungjawab BPSM pun bermula. Pada tahun-tahun awal penubuhan Universiti iaitu sekitar tahun 2001, tugas dan tanggungjawab BPSM sebenarnya terhad kepada urusan pengorganisasian iaitu membuat pelantikan-pelantikan bagi memastikan Universiti mempunyai tenaga manusia yang mencukupi untuk menjalankan amanah dan tanggungjawab pada masa itu. Malahan pada ketika itu, Pendaftar bersama-sama pasukan tenaga penggerak yang lain sendiri telah 'turun padang' dan melakukan kerja-kerja saringan borang serta temuduga. Setelah tenaga manusia yang agak mencukupi diperolehi, barulah Pejabat Pendaftar dibentuk tetapi dengan dengan keanggotaan yang minimum dan fungsi BPSM pada ketika itu dijalankan oleh Unit Perjawatan (2 orang Penolong Pendaftar) dan Unit Perkhidmatan (seorang Penolong Pendaftar). Berikutan penstrukturan semula Pejabat Pendaftar pada 1 November 2004, fungsi-fungsi perjawatan, perkhidmatan, gaji dan saraan staf disatukan dan diletakkan di bawah tanggungjawab BPSM.

BPSM Pada Hari Ini

BPSM kini merupakan salah satu daripada 5 bahagian pentadbiran utama yang terdapat di Pejabat Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Terdapat 3 unit di bawah BPSM iaitu:-

- Unit Pengurusan Perjawatan
- Unit Pengurusan Perkhidmatan
- Unit Pengurusan Saran dan Sistem Maklumat Sumber Manusia

Bahagian ini berhasrat untuk mencapai objektifnya iaitu **"Menjadi pusat rujukan utama di dalam pengurusan sumber manusia serta memberikan perkhidmatan yang telus, adil, cekap dan cepat berlandaskan undang-undang dan peraturan-peraturan Kerajaan disamping sentiasa meningkatkan dan menambahbaik mutu penyampaian perkhidmatan.** Di dalam usaha ini, BPSM juga berikrar dan memastikan akan sentiasa menyokong dan mendokong aspirasi murni Universiti yang termaktub di dalam Misi, Visi dan Objektif Universiti.

BPSM diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pendaftar Gred N44 dan dibantu oleh 3 orang Penolong Pendaftar Gred N41 yang mengetuai setiap unit operasi di atas.

Hadith :

Dari Abdullah bin Mas'ud r.a katanya: "Tidak seorang pun di antara kamu melainkan telah ada jin yang ditugaskan pemimpinnya untuk selalu menggodanya: "Para sahabat bertanya: "Anda juga ya Rasulullah?" Jawab baginda: "Ya, Aku juga. Tetapi Allah selalu melindungiku dari godaan mereka sehingga mereka yang menggodaku akhirnya Islam (menyerah). Kerana itu mereka tidak berani menyuruhku melainkan untuk kebaikan." - (Muslim)



Barisan staf yang menjadi tulang belakang pentadbiran Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Belakang dari kiri: Cik Norafizah Md Nor, Pn Azean Ahmad, Cik Nor Hasrina Sulaiman, Pn Irastika Murni Selamat, Pn Zainaria Surip. Depan dari kiri: En Mohd Nawawi bin Muhamad, En Mohd Nizam bin Pavel, En Mohd Sazrin bin Sahad, En Mohd Hamdan bin Abdul Talib

Peranan, kuasa dan fungsi BPSM

Peranan dan kuasa yang diperuntukkan kepada BPSM diperolehi secara langsung daripada peranan dan kuasa Pendaftar sendiri sepertimana yang digariskan oleh Statut Pendaftar (deraf) iaitu membantu Pendaftar:

- Dalam melaksanakan tugasnya selaku penasihat Universiti mengenai hal ehwal pengurusan sumber manusia;
- Dalam mengawal pengurusan staf-staf Universiti yang meliputi perjawatan, perkhidmatan dan pembangunan staf; dan
- Menjalankan tugas-tugas dan fungsi-fungsi lain yang diarahkan oleh Naib Canselor dari masa ke semasa

Melaksanakan peranan Bahagian ini bukanlah sesuatu perkara yang mudah kerana kehendak-kehendak perkhidmatan (iaitu "core business" BPSM) dan matlamat-matlamat sesuatu tugas seringkali bercanggah atau cenderung untuk tidak menepati dasar dan peraturan Kerajaan yang sedia ada. Di dalam hal ini, BPSM mengambil pendirian berhati-hati tetapi sentiasa meyakini bahawa matlamat Universiti diletakkan sebagai keutamaan tetapi pelaksanaannya perlu selari dengan peraturan-peraturan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

Usaha sedaya upaya akan dilakukan supaya matlamat tadi akhirnya tercapai secara rundingan dan penyelesaian dengan agensi pusat yang berkaitan. Di dalam hal ini, BPSM akan dilihat "lambat" memberikan respons tetapi ia bukan disengajakan kerana BPSM percaya, jika ia ingin membantu Universiti di dalam membuat apa-apa keputusan yang tepat dan tidak menyalahi peraturan, segala pengetahuan, maklumat, fakta, evidens dan kajian perlulah diselesaikan dan dibentangkan kepada mereka terlebih dahulu. Di dalam menyelesaikan sesuatu masalah,

BPSM juga harus memainkan peranan ibarat “menarik rambut di dalam tepung; rambut tidak putus, tepung tidak berselerak” untuk memastikan sebarang penyelesaian berupaya memuaskan hati semua pihak.

Fungsi-fungsi yang utama bagi BPSM adalah seperti berikut:

- Anggaran Belanja Mengurus (Perjawatan)
- Pengambilan dan Pelantikan
- Visa, Pas Penggajian dan urusan lain bagi Pensyarah Kontrak
- Penempatan Staf
- Kenaikan Pangkat
- Perletakan Jawatan
- Persaraan
- Majlis Persaraan Staf
- Buku Perkhidmatan
- Elaun-elaun dan Kemudahan dalam Perkhidmatan
- Cuti
- Gaji dan Saraan
- Pinjaman Perumahan di bawah Skim Pinjaman Perumahan Perbendaharaan
- Sistem Maklumat Staf dan Sistem Pejabat Pendaftar
- Statistik Staf

Penutup dan Perancangan Masa Hadapan BPSM

BPSM berpendirian bahawa memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya daripada “core business”

Universiti iaitu Pengajaran dan Pembelajaran. BPSM merupakan ‘pintu masuk’ kepada staf-staf yang diyakini sepenuhnya dapat menyumbang kepada pencapaian pelan tindakan strategik Universiti. Di dalam hal ini, BPSM berhasrat untuk meningkatkan keberkesanan Bahagian ini membantu Pejabat Pendaftar dari sudut-sudut berikut:-

- a. Pemantapan sistem penyampaian perkhidmatan
 - Mengadakan satu bentuk ujian/ penilaian pra-temuduga.
 - Penggunaan Borang-borang bagi menjimatkan masa memproses sesuatu permohonan.
 - Menjalinkan hubungan dan jaringan kerja yang rapat dengan Pentadbir-pentadbir di Pusat Tanggungjawab yang lain.
 - Mengeluarkan panduan-panduan/ risalah mengenai aspek-aspek perkhidmatan seperti cuti, persaraan, pinjaman perumahan dan lain-lain.
- b. Penggunaan dan pemantapan sistem dan teknologi maklumat bagi menyokong fungsi pengurusan sumber manusia dan meningkatkan kualiti perkhidmatan
 - Sistem Pengambilan secara online dan OMR.
 - E-Mesyuarat.
 - Fail meja yang komprehensif dan ‘updated’ mengikut perkembangan dasar-dasar Kerajaan.



Ruang kerja Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Unit Pengurusan Saraan & SMSM

Hadith :

Dari Ibnu Umar r.a katanya: rasulullah S.A.W memegang bahu lalu ia bersabda: "Hendaklah engkau berada dalam dunia seolah-olah engkau orang berdagang atau orang yang sedang melalui di jalan (pengembara)". Dan adalah Ibnu Umar r.a berkata: "Jika engkau berada di waktu petang, maka janganlah engkau menunggu pagi; dan apabila engkau berada di waktu pagi, maka janganlah engkau menunggu petang. Dan gunakanlah dari sihat engkau bagi masa sakit engkau dan dari hidup engkau bagi masa mati engkau. - (al-Bukhari)

- Sistem Permohonan Kenaikan Pangkat on-line.
- Rekod Perkhidmatan berkomputer.
- Mengenalpasti dan melaksanakan office automation.

c. Penambahbaikan berterusan dalam peningkatan ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap

- Setiap staf BPSM diwajibkan mengikuti sekurang-kurangnya satu kursus kefahaman mengenai jentera pentadbiran Universiti/ Kerajaan, Perintah-Perintah Am serta komunikasi Bahasa Inggeris.
- Menjalinkan hubungan kerja yang rapat dengan agensi pusat (JPA, Kementerian Kewangan, Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan Imigresen Malaysia dan lain-lain untuk memudahkan urusan-urusan yang terlibat.
- Mewujudkan satu unit khusus berkaitan penyelidikan dan pembangunan untuk mencadangkan penambahbaikan sistem kerja atau penyediaan kertas-kertas kerja / konsep.
- Mendapatkan dan mengekalkan persijilan ISO bagi skop pengurusan sumber manusia.



Hadith :

Dari Umar bin al-Khattab r.a katanya: " Ada seorang lelaki berwudhuk tetapi ada kakinya yang tidak terkena air selebar kuku. Dan hal itu dilihat oleh Nabi s.a.w. Disebabkannya baginda bersabda: "Ulang kembali wudhukmu dengan sempurna dan sebgas-bagusnya!" Orang itu pun berwudhuk kembali dan sesudah itu dia solat. " - (Muslim)

FOKUS

PERTUKARAN PELANTIKAN STAF-STAF BERIKUTAN PERTUKARAN NAMA DARI KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM) KEPADA UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

Menerusi Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2007, ("SPP 1/2007") Kerajaan telah memutuskan kesemua enam (6) buah Kolej Universiti Awam di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dijadikan Universiti awam. Tidak terkecuali Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) yang mulai 1 Februari 2007 dikenali sebagai Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Pertukaran nama ini merupakan sesuatu yang amat membanggakan bagi memperbetulkan tanggapan masyarakat terhadap Kolej Universiti dan untuk itu, UTeM amat berterima kasih kepada Y.B Menteri Pengajian Tinggi yang telah berhempas pulas menjayakannya. Selaras dengan keputusan Kerajaan ini, Perintah Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (Pembatalan) 2007 ((P.U. (A) 42)) serta pembatalan Perlembagaannya telah dikuatkuasakan mulai **1 Februari 2007**.

Dengan pembatalan KUTKM serta Perlembagaannya, maka secara langsung asas-asas kewujudan perjawatan dalam KUTKM akan terhapus dan kesemua jawatan yang berada di KUTKM adalah termasuk dengan sendirinya. Walau bagaimanapun, dengan Perintah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Pemerbadanan) 2007 ((P.U. (A) 43) yang berkuatkuasa mulai tarikh yang sama, perjawatan-perjawatan tadi berpindah ke UTeM dan staf-staf yang sedang berkhidmat secara tetap (termasuk di dalam tempoh percubaan) dengan KUTKM adalah layak ditawarkan **pertukaran pelantikan** ke perkhidmatan UTeM yang baru.

Pertukaran Pelantikan ini adalah di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan yang sama dengan skim perkhidmatan dan gred jawatan jawatan asal di KUTKM. Dengan penerimaan opsyen pertukaran pelantikan, tarikh pergerakan gaji semua staf tetap yang terlibat juga diubah kepada 1 Januari 2008. Pertukaran pelantikan sebenarnya merupakan satu kaedah menguruskan perkhidmatan yang digunakan bila mana terjadinya:-

- (i) pembubaran sesebuah agensi awam; atau
- (ii) penjumudan sesuatu skim perkhidmatan dan pemansuhan jawatan; atau
- (iii) sebab-sebab lain yang diputuskan oleh Kerajaan selain daripada pengkorporatan atau penswastan.

Ia merupakan satu kaedah pelantikan pegawai yang sedang berkhidmat dan bertujuan memudahkan 'mobility' dalam perkhidmatan. Tanpa kaedah pertukaran pelantikan ini, semua staf akan terpaksa diberhentikan dan perlu menjalani semua proses pengambilan dan pelantikan. Walau bagaimanapun, kerana urusan ini dilaksanakan melalui opsyen, maka Pihak Berkuasa Melantik (PBM) UTeM sebenarnya boleh melantik seseorang staf yang sedang berkhidmat **tanpa** terikat dengan prosedur pelantikan biasa. Diantara prinsip pertukaran pelantikan yang penting ialah:

- a. **Keperluan Pertukaran Pelantikan** Pertukaran pelantikan hanya boleh dilaksanakan jika ada keperluan untuk memindahkan staf/pegawai ke agensi awam atau skim perkhidmatan yang lain akibat pembubaran,



Pegawai-pegawai jemputan dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bersama En Zainal bin Bidin (Ketua Tim. Pendaftar, UTeM) dalam memberi penerangan khusus kepada staf UTeM berkenaan Pertukaran Pelantikan bersempena pertukaran nama universiti.



Encik Mohd Nizam bin Pavel (Ketua Penolong Pendaftar) memberikan penerangan berkaitan pertukaran opsyen pelantikan bagi memberi pemahaman kepada semua staf UTeM.



Di antara staf yang memberi komitmen dalam mendapatkan info mengenai opsyen pertukaran pelantikan di D'Village, Ayer Keroh, Melaka

Hadith :

Dari Anas bin Malik r.a katanya, Rasulullah s.a.w bersabda: "Sesungguhnya Allah Taala sangat suka kepada hamba-Nya yang mengucapkan tahmid (alhamdulillah) sesudah makan dan minum." - (Muslim)

pemansuhan jawatan atau atas permohonan pegawai, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

- b. **Syarat Pertukaran Pelantikan** Setiap staf tetap (termasuk yang di dalam tempoh percubaan) akan ditawarkan syarat-syarat pertukaran pelantikan yang secara keseluruhannya tidak kurang baik (no less favourable) daripada syarat perkhidmatan yang sedang dinikmati oleh staf dalam jawatan asal.
- c. **Opsyen** Pertukaran pelantikan yang dilaksanakan akibat pembubaran atau pemansuhan jawatan perlu dibuat melalui opsyen. Jika menolak tawaran pertukaran pelantikan, staf akan dibersarakan di bawah Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatam 1980 (Akta 239) (bagi pegawai berpencen) atau ditamatkan perkhidmatan (bagi pegawai tidak berpencen).

Staf yang telah dibersarakan atau ditamatkan perkhidmatan sedemikian **TIDAK BOLEH DILANTIK SEMULA** oleh mana-mana agensi Kerajaan; Berhubung aspek perkhidmatan, staf tetap yang menerima opsyen pertukaran pelantikan akan:-

- a. Bagi staf yang telah disahkan dalam perkhidmatan jawatan asal di KUTKM, mereka dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan. Walau bagaimanapun untuk tujuan pencen, Pihak Berkuasa Melantik UTeM akan mengesahkan tindakan mengesahkan staf-staf tersebut dalam perkhidmatan jawatan baru dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh 1 Februari 2007.
- b. Bagi staf yang belum disahkan dalam perkhidmatan jawatan asal di KUTKM, mereka dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh setahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan jawatan asal di KUTKM tertakluk dengan syarat staf telah memenuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan.
- c. Kekananan staf dalam perkhidmatan adalah tidak berubah.
- d. Taraf berpencen yang telah diberi kepada staf sebelum pertukaran pelantikan berkuat kuasa dikekalkan.
- e. Baki cuti rehat dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan award tunai gantian cuti rehat boleh dibawa ke perkhidmatan UTeM, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa.
- f. Hubungan staf dengan perkhidmatan jawatan asal adalah terputus kecuali bagi tujuan persaraan dan kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan pinjaman.

Berhubung staf-staf lantikan kontrak, sementara dan sambilan, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia menerusi surat bertarikh 29 Januari 2007 telah memberikan arahan bahawa satu Perjanjian Peletakhakan ditandatangani diantara staf-staf tersebut dengan UTeM pada atau selepas tarikh 1 Februari 2007 selaras dengan Seksyen 60 Perlembagaan UTeM dimana segala perjanjian yang



Para pegawai BPSM juga turut bersama-sama menjalankan operasi besar-besaran ini.



En Nizam (Ketua Penolong Pendaftar) bersama pegawai-pegawai yang lain memantau pergerakan dokumen yang sedang diproses.

dibuat dengan KUTKM adalah disifatkan sebagai telah dibuat dengan UTeM. Dari segi perkhidmatan pula, staf-staf ini akan layak menerima segala kemudahan dan faedah sepertimana dengan KUTKM dan mengekalkan tarikh pergerakan gaji tahunan masing-masing, tertakluk kepada peraturan-peraturan lantikan kontrak, sementara dan sambilan yang sedang berkuatkuasa.

(Rujukan: Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17/ 2002 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/ 2007)

Hadith :

Dari Abu Hurairah r.a katanya, nabi s.a.w bersabda: "Hati seorang tua tetap muda dalam hal mencintai dua perkara iaitu dalam hal mencintai hidup dan harta benda." - (Muslim)



Penyerahan cenderahati dari kelab Staf Pejabat Pendaftar kepada Encik Zainal yang baru menjalani pembedahan.



Fokus sungguh pegawai-pegawai UTeM... apa la yang di tengoknya



Wah peramah sungguh orang Melaka. Boleh datang sokmo ni.



Mintak senyum Tuan Pendaftar, kita nak masuk kamera ni... 1... 2... 3... senyum!



Lawatan Sambil Belajar Staf Utem ke Jabatan Pendaftar, Universiti Kebangsaan Malaysia.



"Harap sihat selalu la Encik Zainal ye?", kata Cik Latifah. "Saya pun doakan juga moga sihat hendaknya", ujar Puan Emilyia.



Encik Misdiom sedang menemuramah Encik Hasan Selaku Pendaftar UTeM untuk ruangan Wawancara Majalah TERAS.



Kaum... pu... s... wangkan masa melaw... UTeM... ser... ikatan... anan UTeM-UMT sentia... baikkekalan

SANASINI pejabat PENDAFTAR



Posing baik punya... Kalau baik baik... pulang balik!



Pendaftar UTeM bersama Pendaftar UMT. Terima kasih kerana sudi datang ke Melaka. Panjang umu... k... j... laci.



Dah malam ni.... huruf dalam laptop ni pun makin kecil pulak.



"UTeM ku Cemerlang, UTeM ku Gemilang, UTeM ku Terbilang "



Bagus pameran ni. Ada juga ilmu untuk dibawa balik ke UTeM nanti.



Aktiviti pejabat **PENDAFTAR** UTeM



Izinkan saya menyumbangkan dua tiga lagu dahulu sebelum saya memulakan ceramah hari ini. boleh?



Hebat betul penganjur pameran ni, keropok dah siap digoreng pun di pameran jugak. Test empat keping dulu lah... hehehe!



Senyum tuan penceramah kita ni, ada yang berkenan di hati ke a belakang tu?



Tahniah Dato' sekarang dah fukar gelaran jadi Naib Canselor!



Kontrol sikit... kontrol



Staf-staf UTeM menghadiri sesi bersama CUEPACS bagi menyokong Penubuhan Kesatuan Kakitangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (KEKUTeM)



Tanya lagi Encik Wahi, bagi CUEPACS tahu Hasrat kita



Barisan pegawai-pegawai IPTA yang mengiringi Presiden CUEPACS



Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Penyediaan Persijilan MS ISO 9000:2001 di Hotel Le Paris, Port Dickson, Negeri Sembilan



Dah save semua dokumen? Lagi bagus kalau buat back-up. Selamat Kerja kita.



Ahli-ahli mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Penyediaan Persijilan MS ISO 9000:200 sedang sibuk mengatur strategi bagi melicinkan pengurusan. Dari kiri: Encik Nizam, Encik Wahi dan Prof. Madya Shahan.

Pejabat Pendaftar Ke arah Persijilan

MS ISO 9001:2000

Bengkel Jawatankuasa Pemandu Penyediaan Persijilan MS ISO 9001:2000 Pejabat Pendaftar telah diadakan pada 16-18 Februari 2007 bertempat di Hotel Le Paris, Port Dickson, Negeri Sembilan. Bengkel ini telah disertai oleh pengurusan tertinggi Pejabat Pendaftar dan beberapa pegawai yang terpilih bagi menjayakan program yang telah dirancang ini.

Bengkel yang diadakan ini bertujuan membincangkan hala tuju dan skop yang bersesuaian untuk diberi persijilan MS ISO 9001:2000 kepada Pejabat Pendaftar. Selain itu, Persijilan yang dipohon ini adalah berasingan dengan persijilan ISO yang telah diperolehi oleh Universiti.

Bagi membantu dan seterusnya memudahkan Pejabat Pendaftar memperoleh persijilan ISO, Pejabat Pendaftar telah melantik Pengarah Pusat Jaminan & Akreditasi Profesor Madya Shahdan bin Md Lani sebagai Juru Perunding dan Penasihat bagi mendapatkan persijilan MS ISO 9001:2000 untuk Pejabat Pendaftar. Sepanjang tempoh bengkel diadakan Profesor Madya Syahdan bin Md Lani telah memberi bimbingan dan tunjuk ajar yang berkesan bagi memberi panduan yang amat berguna kepada Jawatankuasa Pemandu Persijilan MS ISO 9001:2000 memulakan langkah pertama ke arah mendapatkan persijilan ISO yang disasarkan oleh warga Pejabat Pendaftar.

Menurut Pendaftar Encik Hasan bin Sirun, "sebagai sebuah pejabat yang penting di Universiti ini, Pejabat Pendaftar amat memerlukan persijilan MS ISO 9001:2000 untuk meningkatkan perkhidmatan, membuat penyediaan penyeragaman peraturan kerja dan dokumen yang standard serta meningkatkan kualiti dan produktiviti Pejabat Pendaftar bagi manfaat dan kepuasan pelanggan serta Stakeholders".

Pendaftar turut berharap gerak kerja yang dimulakan melalui bengkel ini akan membuahkan hasil yang diharapkan terutamanya 'target' Pejabat Pendaftar untuk mendapatkan persijilan MS ISO 9001:2000 awal tahun 2008 akan terlaksana.



Ahli-ahli Mesyuarat sedang memberikan perhatian pada agenda-agenda yang dibentangkan.



En Zainal bin Bidin turut hadir pada hari mesyuarat berkenaan



P.M Shahdan sedang menerangkan cadangan bagi melicinkan pengurusan penyediaan persijilan ISO.



Ahli-ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Penyediaan Persijilan MS ISO 9001:2000

Hadith :

Dari Jabir r.a katanya, dia mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: "Bukan amal seseorang yang memasukkannya ke syurga atau melepaskannya dari neraka, termasuk juga aku, tetapi ialah semata-mata rahmat Allah S.W.T belaka." - (Muslim)

RENUNGAN...

KEPENTINGAN MENJAGA AMANAH DI DALAM KEHIDUPAN

Islam memandang serius terhadap gejala pecah amanah dan penyelewengan wang yang dilakukan oleh umatnya. Apa yang menyedihkan ialah orang yang telah mengucapkan dua kalimah Syahadahnya serta menunaikan ibadah khususnya, masih tergamak dan tidak segan silu untuk melakukan jenayah yang terkutuk ini.

Umumnya semua orang sudah mengerti apakah yang dimaksudkan dengan amanah. Amanah secara umumnya terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

1. Melibatkan harta benda atau wang ringgit.

Bersikap amanah dalam kategori ini ialah dengan memulangkan barang atau harta atau wang kepunyaan orang lain kepada pemiliknya. Sekiranya kita mengambil harta benda atau wang kepunyaan orang lain dengan jalan yang salah sedangkan kita telah diberi kepercayaan untuk menjaga atau menguruskannya maka kita telah dikira melakukan pecah amanah.

2. Melibatkan rahsia atau maklumat tertentu.

Bersikap amanah terhadap rahsia seseorang ialah dengan menjaga rahsia tersebut dan tidak menghebahkan kepada orang lain yang tidak berkenaan. Sekiranya kita menyebarkan rahsia seseorang kepada orang lain yang tidak berkenaan tanpa kebenaran daripada orang tersebut maka kita telah dikira tidak amanah. Manakala bersikap amanah kepada maklumat pula ialah menyampaikan maklumat sama ada ianya berbentuk ilmu pengetahuan atau perkhabaran atau pesanan kepada pihak yang berkenaan. Sekiranya kita tidak menyampaikan maklumat atau perkhabaran atau pesanan kepada pihak yang sepatut menerimanya maka kita telah dikira tidak amanah.

Gejala pecah amanah atau penyelewengan wang merupakan satu gejala yang amat besar dosanya di sisi Islam. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu mengambil harta sesama kamu (orang lain) dengan jalan yang batil (cara yang salah)". (Al-Baqarah, 188).

Besarnya dosa pecah amanah ini diambil kira berdasarkan besarnya kesan yang timbul daripadanya sama ada kepada orang lain, individu yang terlibat itu sendiri dan juga kedudukan imannya di sisi Allah S.W.T iaitu:

(i) **Orang yang melakukan pecah amanah memang jelas telah menganiaya atau menzalimi orang lain** iaitu pemilik kepada harta benda atau wang ringgit tersebut. Kalau ianya berlaku di institusi-institusi kewangan misalnya maka penganiayaan telah berlaku kepada penyimpan-penyimpan yang menabung di situ yang mempunyai niat yang begitu murni untuk mengumpul wang bagi menyempurnakan keperluan hidup mereka.

Bukankah ini satu kezaliman dan penganiayaan yang berlaku kepada orang lain yang tidak bersalah? Kezaliman adalah perbuatan yang amat ditentang oleh Islam malah ianya akan mengundang kehidupan yang amat gelap kepada orang yang melakukannya pada hari akhirat nanti.

Selaras dengan hadith Baginda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar r.a yang bermaksud: "Kezaliman (yang dilakukan di dunia) adalah kegelapan (mengundang kehidupan yang penuh kegelapan) pada hari kiamat". (Hadith riwayat Bukhari, Muslim dan Tarmizi).

Persoalan yang melibatkan harta benda atau wang milik orang lain adalah persoalan yang perlu diberikan perhatian yang sewajarnya oleh setiap orang Islam. Misalnya dalam persoalan hutang. Sekalipun ianya halal menurut Islam namun ada bahana yang menimpa sekira ianya dilakukan dengan cara yang tidak betul seperti tidak mahu membayar hutang atau melengah-lengahkan pembayaran hutang sedangkan dia sudah mampu menjelaskannya ataupun dia mati dalam keadaan berhutang.

Baginda Rasulullah s.a.w pernah ditanya oleh seorang lelaki berkenaan dengan mati syahid. Kata lelaki tersebut: "Wahai Rasulullah, seandainya aku terbunuh di jalan Allah (mati syahid) dengan penuh kesabaran dan mengharapkan ganjarannya, terus maju ke (barisan) hadapan (untuk melawan musuh) tanpa berundur sedikit pun maka apakah ianya (ganjaran mati syahid) itu akan menghapuskan dosa-dosaku? Baginda menjawab: "Ya melainkan hutang (yang kamu tinggalkan)". (Hadith riwayat Muslim).

Hadith :

Dari Abdullah bin Qais r.a katanya, Rasulullah s.a.w bersabda: "Tidak ada yang lebih sabar mendengar ejekan, selain daripada Allah S.W.T. Orang-orang kafir mengatakan-Nya berbilang (banyak atau bersekutu), atau mereka mengangkat anak bagi-Nya. Namun begitu Allah Taala tetap memberi mereka rezeki, memaafkan mereka dan memberikan apa yang mereka pinta." - (Muslim)



Berdasarkan hadith ini amat jelas kepada kita bagaimana keadaan orang yang mati syahid yang masih lagi tersangkut dengan hutangnya yang merupakan satu muamalah yang halal maka apatah lagi kalau kita mati dan tersangkut pula dengan kes pecah amanah iaitu satu muamalah yang haram yang melibatkan harta benda atau wang milik orang lain ?

(ii) Orang yang pecah amanah telah menzalimi diri sendiri. Dia telah dengan sengaja mencampakkan dirinya kepada kebinasaan dan api neraka. Orang yang melakukan pecah amanah dan menggunakan wang tadi untuk kepentingan dirinya semada membeli makanan, minuman dan lain-lain lagi maka ianya telah menghiaskan daging yang menyelaputi tulangnya dan darah yang menyelusuri pembuluh uratnya dan kulit yang menyelimuti tubuhnya dengan hiasan daripada api neraka. Dalam hal ini Baginda Rasulullah s.a.w telah menyebut banyak kali dalam banyak hadithnya berkenaan hal ini. Sabda Baginda yang diriwayatkan oleh Jabir iaitu Baginda Rasulullah s.a.w telah bersabda kepada Ka'ab bin 'Ujrah yang bermaksud: "Tidak akan masuk syurga daging yang tumbuh daripada benda yang haram, (dan) neraka pula yang paling layak buatnya (daging tersebut)". Hadith sahih Bukhari dan Muslim.

Dalam hadith yang lain yang membawa pengertian yang sama yang telah diriwayatkan oleh Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq r.a bahawa Baginda Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud: "Tidak akan masuk syurga jasad yang disuap dengan makanan yang haram". Hadith riwayat Ahmad, Hakim dan Ibnu Hibban).

Dalam mentafsirkan hadith ini, seorang ulama terkenal yang bernama Imam Al-Zahabi dalam kitabnya Al-Kabair (Dosa-Dosa Besar) telah menyenaraikan perbuatan-perbuatan yang termasuk di dalam hadith di atas iaitu menipu, menyamun, mencuri, menimbang atau menyukat dengan tidak betul, pecah amanah (khianat) dan lain-lain lagi.

(iii) Orang yang melakukan pecah amanah dikhuatiri akan tercabut imannya. Orang yang pecah amanah boleh dikira sebagai orang yang mencuri hak orang lain atau wang orang lain yang telah mengamanahkan kepadanya untuk dijaga dan diuruskan olehnya. Perbuatan mencuri inilah yang disebut dalam hadith Nabi sebagai boleh mencabut iman seseorang di saat dia sedang mencuri. Dalam sebuah hadith Baginda Rasulullah s.a.w telah bersabda yang bermaksud: "Tidak berzina orang yang berzina ketika dia sedang berzina melainkan dalam

keadaan tercabut imannya. Tidak mencuri orang yang mencuri ketika dia sedang mencuri melainkan dalam keadaan tercabut imannya". Hadith sahih riwayat al-Zahabi.

Dalam mentafsirkan lagi hadith di atas, Imam al-Zahabi dalam kitabnya al-Kabair (Dosa-Dosa Besar) telah menyebut bahawa tidak berguna taubat orang yang mencuri melainkan setelah dia memulangkan balik hasil curinya itu kepada pemiliknya yang sebenar. Malah dalam hadith yang lain, Baginda Rasulullah s.a.w menegaskan lagi kedudukan tidak amanah atau pecah amanah ini dan kaitannya dengan persoalan iman seseorang.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Tidak ada iman bagi orang yang tidak ada sifat amanah padanya dan tidak ada agama bagi orang yang tidak memegang pada janjinya". Hadith riwayat Ahmad, Ibnu Hibban, Baihaqi, Tobaroni dan al-Dailami.

Orang yang mengaku beriman kemudian mendirikan solat, menunaikan puasa di bulan Ramadhan serta mengeluarkan zakat dan mengerjakan ibadat haji tetapi masih lagi pecah amanah maka orang seperti ini adalah tergolong dalam kalangan orang tidak beriman. Ini kerana ciri-ciri orang beriman amat luas antaranya ialah mesti bersifat amanah. Sebagaimana yang difirmankan oleh Allah SWT dalam surah al-Mukminun ayat 8 yang bermaksud: "...mereka menjaga dengan baik amanah dan perjanjian mereka".

(iv) Orang yang melakukan khianat dan pecah amanah dikira tergolong dalam kalangan orang yang mempunyai ciri sifat-sifat munafik. Orang munafik pula adalah satu golongan yang pada zahirnya mereka menunjukkan keimanan mereka tetapi batin mereka penuh dengan kekefuran. Dan golongan inilah yang bakal mendiami neraka yang paling bawah sekali. Baginda Rasulullah s.a.w telah bersabda dalam sebuah hadith yang bermaksud: "Empat sifat sesiapa yang memilikinya maka dia adalah seorang munafik yang tulen. Dan sesiapa yang memiliki salah satu daripada sifat ini maka dia telah memiliki satu sifat munafik sehinggalah dia meninggalkan kesemuanya sekali iaitu; Apabila diberikan amanah dia berlaku khianat (pecah amanah), apabila dia bercakap dia berbohong, apabila dia berjanji dia mungkir dan apabila dia berselisih faham dia akan bergaduh". Hadith Muttafaquun Alaih.

(v) Kehidupan orang yang pecah amanah sentiasa berada dalam keadaan yang tidak diberkati oleh Allah s.w.t. Apa yang dimaksudkan dengan keberkatan



Hadith: Dari Abdullah bin Qais r.a katanya, Rasulullah s.a.w bersabda: "Tidak ada yang lebih sabar mendengar ejekan, selain daripada Allah S.W.T. Orang-orang kafir mengatakan-Nya berbilang (banyak atau bersekutu), atau mereka mengangkat anak bagi-Nya. Namun begitu Allah Taala tetap memberi mereka rezeki, memaafkan mereka dan memberikan apa yang mereka pinta." - (Muslim)



ialah seseorang atau sesuatu yang sentiasa berada dalam kebaikan. Manakala lawan kepada berkat ialah laknat iaitu sentiasa berada dalam keburukan. Baginda Rasulullah s.a.w telah bersabda dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Mas'ud r.a yang bermaksud: "Seseorang yang memperolehi harta dengan cara yang haram lalu dia bersedekah dengannya maka tidak diberi pahala terhadap sedekahnya itu. Dan kalau dia memberi nafkah dengan harta itu maka ianya tidak diberkati. Dan sekiranya dia meninggalkan simpanan daripada harta yang haram (selepas dia mati) maka apa yang baki tu akan menambahkan (azabnya) dalam api neraka. Dan sesungguhnya Allah Ta'ala tidak akan memadamkan kesalahan dengan perbuatan yang salah tetapi memadamkan kesalahan dengan perbuatan yang baik".

Sesudah kita meneliti kesan-kesan yang bakal terjadi hasil daripada pecah amanah ini maka marilah kita sama-sama insaf bahawa tiada gunanya kita mendapatkan rezeki yang haram untuk sesuap makanan atau seteguk minuman sedangkan dalam masa yang sama risikonya sangat besar di sisi Allah s.w.t.

Sedarlah bahawa bagi setiap anak Adam sudah pun tercatat untuknya beberapa perkara iaitu rezekinya, jodoh pertemuannya, ajal mautnya dan juga bahagia atau celaknya. Ertinya rezeki yang halal untuk kita semua sudah pun ada hanya menunggu masa untuk diagihkan kepada kita sahaja berpandukan usaha kita yang bersungguh-sungguh dalam melakukan kerja. Benarlah sabda Baginda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Jarir r.a yang bermaksud: "Wahai manusia, sesungguhnya seseorang daripada kamu tidak akan mati sehingga terlebih dahulu habis rezekinya. Maka janganlah kamu beranggapan bahawa rezeki kamu lambat datang kepada kamu. Bertaqwalah kamu kepada Allah dan perelokkanlah usaha kamu dalam mencari rezeki. Ambillah apa-apa yang halal bagi kamu dan tinggalkanlah apa-apa yang haram bagi kamu".



KERJA SEBAGAI SATU IBADAH

PENDAHULUAN

Islam menuntut setiap manusia berkerja, berusaha mencari rezeki bagi menyara diri sendiri, keluarga dan juga ibu bapa. Di samping itu, Islam juga menyatakan bahawa sesuatu 'pekerjaan' yang baik ialah tugas yang diamanahkan kepada seseorang itu menjalankan tugasnya ataupun bekerja, dengan sendirinya bererti, bahawa insan tersebut sedang menunaikan amanah Allah. Menurut Islam, setiap kerja yang diredhai oleh Allah dan disertai dengan niat adalah ibadat. Oleh demikian setiap insan hendaklah menyedari dan menghayati bahawa setiap lapangan pekerjaan yang dilakukan itu sekiranya dimulai dengan niat, ia merupakan satu ibadat. Oleh yang demikian, setiap insan hendaklah menyedari dan menghayati bahawa setiap lapangan pekerjaan yang dilakukannya itu sekiranya dimulai dengan niat, ia merupakan satu ibadat.

DEFINISI AMANAH

Amanah bererti menempatkan sesuatu pada tempat yang sewajarnya. Contohnya, sesuatu kedudukan tidak diberikan kecuali kepada orang-orang yang betul-betul berhak dan yang betul mampu menunaikan tugas dan kewajibannya yang sebenar. Perbezaan 2 jenis manusia :

- i. Amanah @ Al-Amin
- ii. Khianat @ Al-Khain

Orang yang amanah akan mendapat tempat kepercayaan dan penghormatan. Orang yang khianat pula akan menjadi tumpuan kemarahan dan kehinaan. Amanah adalah asas ketahanan umat, asas kestabilan negara, asas kepada kekuasaan / kehormatan. Di samping ia menjadi jasad dan roh terhadap keadilan.

AMANAH DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Amanah

Menyedari hakikat bahawa tugas adalah amanah yang perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan. Menghidarkan dengan rela hati kepentingan diri dari mengatasi kepentingan tugas. Menentukan tiada penyelewengan dalam tugas sama ada dari segi masa, kuasa, sumber wang dan peralatan serta tenaga kerja dan mengutamakan kepentingan awam sebagai teras perkhidmatan.

Hadith :

Dari Abu Dzar r.a, dari Nabi s.a.w sabdanya: "Setiap orang mempunyai sumber sedekah. Tiap-tiap tasbeeh, tahmid, tahlil dan takbir adalah sedekah. Amar makruf adalah sedekah, nahi mungkar adalah sedekah. Dan semuanya itu sama nilainya dengan dua rakaat solat Dhuha."
- (Muslim)



Tanggungjawab

Menerima hakikat akauntabiliti akhir adalah terhadap Tuhan, di samping pekerjaan dan majikan. Melakukan tugas dengan kesedaran terhadap implikasi baik dan buruknya iaitu sentiasa waspada dan jujur. Bersedia berkhidmat dan mengemukakan bantuan bila-bila sahaja diperlukan. Bercita-cita untuk tidak mengkhianati kepentingan organisasi / institusi / awam dalam menjalankan tugas dan bersedia menjaga maruah agama, bangsa dan negara. Mempunyai niat bertugas kerana Tuhan kerana mencari rezeki yang halal serta mencari keredhaanNya.

DEFINISI PERKERJAAN

Perkerjaan ialah mencari nafkah untuk dirinya dan orang-orang di bawah tanggungannya. Nafkah yang dimaksudkan termasuklah makan, minum, pakaian, tempat tinggal, kesihatan, pendidikan dan sebagainya. Kerja adalah satu aktiviti penting di dalam kehidupan manusia. Tempat kerja pula menjadi tempat yang paling lama kita hidup, berfikir, berusaha, berkerja, berinteraksi, berkomunikasi, menambah ilmu pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan mendapat kebahagiaan dan keseronokan dari kerja dan tempat kerja. Oleh itu, konsep kerja hendaklah diberi perhatian yang istimewa supaya kita betul-betul faham dan menghayati pekerjaan yang diamanahkan kepada kita. Di samping itu, Islam juga menyatakan bahawa sesuatu "**KERJA**" yang halal ialah tugas yang diamanahkan oleh Allah kepada seseorang insan. Maka apabila seseorang itu menjalankan tugasnya ataupun berkerja, dengan sendirinya bererti bahawa insan tersebut sedang menunaikan amanah Allah. Dengan kata-kata lain **hamba Allah itu beribadat**. Maka menurut Islam setiap kerja yang diredhai oleh Allah dan disertai dengan niat adalah ibadat. Bahkan Nabi Muhammad S. A. W. ada bersabda yang bermaksud: "*Barangsiapa berkerja untuk anak isterinya melalui jalan halal, maka bagi mereka pahala seperti orang yang berjihad di jalan Allah*". (Riwayat A-Bukhari).

Kerja yang halal ialah tugas yang diamanahkan. Maka apabila seseorang itu menjalankan tugas @ berkerja, dengan sendirinya seseorang itu sedang menunaikan amanah Allah. Menurut Islam setiap kerja yang diredhai dan disertai dengan niat adalah ibadat. Nabi Muhammad saw bersabda: "*Sebaik-baik mata pencarian ialah pendapatan seorang daripada tangannya sendiri*" "*Barangsiapa berkerja untuk anak-isterinya melalui jalan yang halal, maka bagi mereka pahala seperti orang yang berjihad di jalan Allah*". (Riwayat Al-Bukhari) "*Mencari kerja yang halal itu adalah fardhu selepas farhu*". (Riwayat A-Baihaqi) Di samping itu, kita hendaklah mengetahui bahawa setiap tugas @ kerja yang diberikan oleh Allah itu adalah mengikut kemampuan orang berkenaan seperti Firman Allah yang bermaksud: "*Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan apa yang terdaya olehnya*" (Al-Baqarah : 286)

ETIKA KERJA DARI PERSPEKTIF ISLAM


Seseorang pekerja mestilah melaksanakan tugasnya dengan sebaik-baiknya kerana Allah menegaskan bahawa setiap pekerja itu mempunyai dan mampu menunaikan tanggungjawabnya. Firman Allah yang bermaksud :

"*Tiap-tiap diri bertanggungjawab terhadap apa yang telah diperbuatnya*". (Al-Muddathir : 38) Etika kerja dalam Islam :

- i. Bekerja dengan azam mengabdikan diri kepada Allah (hubungan dengan pencipta)
- ii. Bekerja dengan ikhlas dan amanah (hubungan sesama manusia)
- iii. Bekerja dengan tekun dan cekap

Hadith :

Dari Aisyah r.a katanya: "*Rasulullah SAW lebih suka mendahulukan yang kanan dalam segala keadaan (perbuatan) seperti memakai terompah, bersikat, berwuduk dan mandi.*" - (Muslim)



- iv. Bekerja dengan semangat gotong royong dan berpadu fikiran
- v. Bekerja dengan matlamat kebahagiaan
- vi. Setiap orang yang menerima tugas dan tanggungjawab pula hendaklah mempunyai sifat-sifat yang terpuji seperti jujur, amanah dan bijaksana. Sifat-sifat tersebut boleh menghidupkan kesedaran dan sikap sentiasa mentaati undang-undang serta boleh diberi kepercayaan sepenuhnya untuk melaksanakan sesuatu tugas atau kewajipan walau bagaimanapun sulit dan rahsiannya sekalipun.
- vii. Kita amanah pada kerja yang diberi
- viii. Amanah pada kerajaan sebagai majikan kita
- ix. Amanah pada menggunakan harta benda kerajaan seperti penggunaan alat-alat pejabat, penggunaan masa, penggunaan barang-barang keperluan pejabat iaitu elektrik, kertas-kertas, mesin-mesin, kenderaan-kenderaan kerajaan dan sebagainya.

Kesemua ini merupakan amanah dari kerajaan dan telah menjadi kewajipan kita untuk memelihara serta mempergunakannya pada jalan yang betul. Janganlah kita selewengkan semua amanah dan kemudahan serta mensia-siakannya pada jalan yang salah.

PENUTUP

Oleh itu sifat amanah itu sangat penting dan berperanan besar dalam mengatur kehidupan manusia ke arah yang lebih sempurna, teratur serta terhindar dari kerosakan-kerosakan akibat dari sikap tidak boleh dipercayai, maka sewajarnya kita didik diri kita serta keluarga kita untuk mengamalkan sifat amanah dalam perjalanan hidup kita. Sifat amanah dapat memantapkan lagi hubungan mesra antara keluarga, kawan, jiran, teman sekerja dan organisasi seterusnya akan membuahkan rasa kasih sayang, hormat menghormati, saling percaya mempercayai serta akan sentiasa merasa selamat dari perbuatan khianat dan dengki.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

Ruangan kali ini akan memperkenalkan dan memberikan serba sedikit penerangan mengenai salah satu unit yang ada di dalam Pejabat Pendaftar iaitu Unit Penilaian Tahap Kecekapan (PTK).

Unit ini telah ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia (SSM) pada 1 November 2002. PTK merupakan instrumen untuk menilai kompetensi sumber manusia dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang positif. Perkhidmatan awam kini sedang berhadapan dengan perubahan persekitaran yang dinamik dan memerlukan pekerja berpengetahuan (*k-workers*) agar dapat memenuhi ekspektasi *stakeholders* serta pelanggan yang semakin tinggi. Oleh itu, perkhidmatan awam perlu memberi penekanan kepada penguasaan ilmu pengetahuan, peningkatan kemahiran dan pengamalan ciri-ciri peribadi yang positif. Perkhidmatan awam juga perlu mengamalkan budaya pembelajaran secara berterusan serta pengurusan fleksibel yang berupaya bertindak secara proaktif dan berkesan.

PTK bermaksud penilaian tahap pencapaian seseorang pegawai dari aspek pengetahuan, kemahiran serta ciri-ciri sikap, nilai dan etika kerja positif yang perlu bagi sesuatu gred jawatan dalam perkhidmatan berkenaan. Kompetensi atau tahap pencapaian pegawai diukur serta dibahagikan kepada dua jenis, iaitu kompetensi umum dan kompetensi khusus seperti berikut :

- Kompetensi umum (*generic competency*) iaitu pengetahuan, kemahiran serta ciri-ciri peribadi yang perlu dimiliki oleh setiap pegawai tanpa mengira gred jawatan dan organisasi pegawai berkenaan;
- Kompetensi khusus (*functional competency*) iaitu pengetahuan, kemahiran serta ciri-ciri peribadi khusus yang diperlukan bagi melaksanakan bidang tugas sesuatu jawatan.

Syarat-syarat untuk menduduki Peperiksaan dan Kursus PTK pula adalah seperti berikut :

- Telah disahkan jawatan secara hakiki;
- Mendapat markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan yang baik pada tahun sebelumnya;
- Diperakui oleh Ketua Pusat Tanggungjawab

Satu perkara yang selalu menjadi isu mengenai pengesahan jawatan ini adalah ketidakfahaman staf terbabit dalam memahami bila dan bagaimana mereka disahkan jawatan sebelum mereka boleh mengambil Peperiksaan dan Kursus PTK.

Mana-mana staf yang dilantik di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM) sama ada sebagai lantikan baru pertama kali memasuki perkhidmatan kerajaan atau telah berkhidmat sebelum ini di mana-mana agensi kerajaan dan seterusnya dilantik di UTeM perlu melalui proses-proses pengesahan jawatan iaitu; telah berkhidmat di UTeM sekurang-kurangnya satu (1) tahun, telah menduduki peperiksaan perkhidmatan, menghadiri dengan jayanya Kursus Induksi serta diperakui oleh Ketua Pusat Tanggungjawab.

Begitu juga bagi staf yang telah bertukar skim perkhidmatan. Contohnya, kali pertama berkhidmat di UTeM adalah sebagai Jurutera Pengajar dan telah disahkan jawatan sebagai Jurutera Pengajar selepas

melalui proses-proses pengesahan seperti yang dinyatakan di atas; kemudian dilantik pula sebagai Pensyarah Universiti, maka, beliau perlu sekali lagi melalui proses pengesahan jawatan sebagai Pensyarah Universiti. Walau bagaimanapun, jika mana-mana staf telah mengambil peperiksaan dan / atau menghadiri Kursus Induksi sama ada di UTeM atau di agensi lama, mereka bolehlah membuat surat permohonan pengecualian dari mengambil peperiksaan dan / atau menduduki Kursus Induksi. Menjadi tanggungjawab staf berkenaan untuk memastikan dirinya telah disahkan jawatan secara hakiki sebelum memohon untuk mengambil Peperiksaan dan Kursus PTK. Di bawah PTK terdapat enam (6) Tahap Kecekapan (TK) bagi skim perkhidmatan Kumpulan Pengurusan & Profesional iaitu bermula dari TK1 hingga TK6. Sementara itu bagi skim perkhidmatan Kumpulan Sokongan, terdapat empat (4) Tahap Kecekapan iaitu bermula dari TK1 hingga TK4.

Unit ini telah melaksanakan Peperiksaan PTK kepada staf UTeM bermula dari tahun 2003 sebanyak empat (4) kali yang melibatkan seramai 478 orang staf dari Gred 1 hingga 41. Hanya melibatkan staf dari pelbagai jawatan daripada setiap Pusat Tanggungjawab. Sukatan peperiksaan yang memenuhi kehendak Misi dan Visi Universiti telah digubal bagi memenuhi keperluan 68 jawatan sedia ada. Bagi Tahun 2007, unit ini bercadang untuk melaksanakan Peperiksaan PTK sebanyak dua (2) kali iaitu pada bulan April dan September. Selain daripada itu, bagi memastikan sukatan Peperiksaan PTK sentiasa relevan dengan keperluan dan perkembangan Universiti maka satu bengkel akan diadakan pada tahun ini bagi menyemak dan menilai semula sukatan peperiksaan sedia ada.

Selain daripada pelaksanaan peperiksaan, Unit PTK juga telah melaksanakan Kursus PTK bagi Pensyarah Universiti Gred DS45 di TK3. Penganjuran kursus yang dimulakan mulai Tahun 2004 ini telah dijalankan sebanyak empat (4) kali yang melibatkan seramai 109 orang Pensyarah Universiti dari pelbagai fakulti / pusat / institut. Bagi pelaksanaan tahun 2007, unit ini akan menganjurkan Kursus PTK bagi Pensyarah Gred DS45 di TK3 pada bulan Mei dan November.

Selaras dengan matlamat Pejabat Pendaftar iaitu salah satunya untuk memberikan perkhidmatan yang baik dan



Hadith :

Diriwayatkan dari Aisyah katanya: "Nabi s.a.w pernah solat memakai baju bergambar (bercorak-corak). Suatu ketika nabi s.a.w terlihat kepada gambar di baju itu. Setelah selesai solat, nabi berkata: "Bawalah bajuku ini kepada Abu Jahm dan bawa kembali tukaran daripada Abu Jahm. Baju ini melalaikanku sebentar tadi dari solatku." - (al-Bukhari)

memuaskan, maka unit ini juga telah merancang untuk memberi nilai taraf bagi Kursus-kursus Pengajaran dan Pembelajaran supaya ianya setara dengan keseluruhan atau sebahagian komponen kursus bagi Pensyarah Universiti. Komponen – komponen kursus sedia ada juga akan dilihat dan dinilai semula selaras dengan keperluan semasa.

Selain dari menganjur sendiri peperiksaan dan kursus berkaitan, Unit PTK juga telah menghantar staf-staf berkelayakan yang berada di Gred 44 dan ke atas untuk menduduki Peperiksaan dan Kursus PTK di IPTA lain. Seramai 24 orang Staf Akademik dari Gred 45 hingga 54 dan 14 orang staf Bukan Akademik dari Gred 44 hingga 54 telah dihantar untuk menduduki Peperiksaan dan Kursus PTK di IPTA lain seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) sejak dari Tahun 2003. Tenaga kerja yang menggerakkan unit ini adalah terdiri daripada dua (2) orang staf iaitu seorang Penolong Pendaftar dan seorang Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi). Hala tuju, prestasi dan pelaksanaan PTK pula dipantau oleh Pendaftar dan Ketua Timbalan Pendaftar Pejabat Pendaftar. Beberapa jawatankuasa telah ditubuhkan untuk menggerak dan diberi kuasa melaksana, menguatkuasa, memperaku keputusan peperiksaan / kursus, dasar-dasar dan program-program seperti berikut :

- a. Panel Penilaian Kompetensi – Ahli-ahli terdiri daripada Naib Canselor (Pengerusi), Timbalan-timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bendahari, Dua (2) Orang Wakil Fakulti dan Ketua Timbalan Pendaftar serta Satu (1) Orang Wakil dari Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA);
- b. Jawatankuasa Pelaksana Peperiksaan PTK - Ahli-ahli adalah Pendaftar (Pengerusi), Bendahari, Ketua Pustakawan, Pengarah Pejabat Pembangunan & Pengurusan Aset, Dua (2) Orang Ketua PTj dan Ketua Timbalan Pendaftar Pejabat Pendaftar;
- c. Jawatankuasa Pelaksana Kursus PTK bagi Pensyarah Universiti - Ahli-ahli terdiri daripada Seorang Wakil Fakulti yang dilantik sebagai Pengerusi, Pendaftar, semua Dekan / Pengarah Fakulti / Pusat dan Institut serta Ketua Timbalan Pendaftar Pejabat Pendaftar.

Selain daripada jawatankuasa-jawatankuasa sedia ada di atas, unit ini juga merancang untuk menubuhkan satu lagi jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pelaksana Kursus PTK Bagi Staf Bukan Akademik yang akan melihat keperluan kursus PTK bagi staf bukan akademik yang dijangkakan akan bertambah selaras dengan perkembangan Universiti yang bertambah besar dan memerlukan tenaga staf bukan akademik di pelbagai peringkat.

GARIS PANDUAN RINGKAS PENGESAHAN DALAM JAWATAN

LATAR BELAKANG

Di bawah pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, dinyatakan bahawa staf yang memilih Sistem Saraan Malaysia boleh dipertimbangkan untuk pengesahan dalam

jawatan dalam tempoh 1 hingga 3 tahun setelah memenuhi semua syarat-syarat pengesahan yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan Universiti

SYARAT-SYARAT PENGESAHAN DALAM JAWATAN

Syarat-syarat pengesahan yang ditetapkan ialah:

1. Berkhidmat sekurang-kurangnya 1 tahun di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM);
2. Mengikuti Kursus Induksi Khusus dan Umum dengan jayanya;
3. Lulus Peperiksaan Perkhidmatan (bagi skim perkhidmatan yang berkaitan) yang telah disyaratkan;
4. Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

Pengecualian syarat pengesahan dalam jawatan bagi syarat pengesahan (2) & (3) boleh diberi jika:

- (i) Sekiranya staf telah menduduki dan lulus Peperiksaan Am Kerajaan atau Kursus Induksi sebelum ini, maka staf adalah dikehendaki memohon kepada Penolong Pendaftar (Unit Pengesahan Perkhidmatan) melalui Pendaftar untuk dikecualikan daripada menghadiri Kursus Induksi dengan menyertakan bersama maklumat keputusan Peperiksaan Am Kerajaan atau Kursus Induksi yang telah diduduki di dalam perkhidmatan lama staf. Staf yang ingin memohon pengecualian menduduki semula kursus Induksi hendaklah mengemukakan permohonan mereka dengan menyertakan Sijil dan Slip keputusan Kursus Induksi atau Sijil dan Keputusan Peperiksaan Am Kerajaan yang pernah diduduki.



Perhatian :

Pengecualian menduduki semula kursus Induksi akan diberi berdasarkan permohonan bukan secara automatik.

- i. Sekiranya staf telah menduduki peperiksaan perkhidmatan sebelum ini (menduduki & lulus peperiksaan dari agensi asal mereka) Panel Peperiksaan Perkhidmatan Staf KUTKM Bilangan 1 Tahun 2002 yang bersidang pada 23 Mac

Hadith :

Daripada Anas r.a daripada rasullullah s.a.w sabdanya, " Tiga perkara yang mengiringi jenazah iaitu keluarganya, hartanya dan amalannya , maka dua perkara akan kembali semula, yang tinggal hanyalah amalannya". - **Riwayat al-Bukhari dan muslim**



2002 telah membuat keputusan untuk memberi pengecualian kepada Kertas II dan Kertas III sahaja.

- ii. Walau bagaimanapun staf masih perlu menduduki & lulus Kertas I (Pengurusan Universiti) dalam Peperiksaan Perkhidmatan memandangkan sukatan peperiksaan di dalam Kertas I adalah berkaitan dengan Pentadbiran Am UTeM secara Khusus dan berbeza dengan Kertas I (Kertas Jabatan) yang pernah diduduki oleh staf terbabit di agensi asal mereka.
- iii. Bagi Skim Pensyarah (Gred DS 45 dan ke atas) dan Jurutera Pengajar (Gred J 41) hanya perlu menduduki peperiksaan Kod Kertas 01 (Pengurusan Universiti) sahaja manakala bagi Skim-skim perkhidmatan lain rujuk jadual peperiksaan perkhidmatan staf yang dikeluarkan setiap tahun oleh Unit Pengesahan Perkhidmatan, Pejabat Pendaftar.
- iv. Staf yang ingin memohon pengecualian menduduki semula Peperiksaan Perkhidmatan Staf hendaklah mengemukakan permohonan mereka dengan menyertakan Sijil dan Slip Keputusan Peperiksaan Perkhidmatan yang pernah diduduki.

Perhatian :

Pengecualian menduduki semula peperiksaan perkhidmatan staf UTeM akan diberi berdasarkan permohonan bukan secara automatik.

Manakala syarat pengesahan dalam jawatan bagi syarat pengesahan ke (4) diberi alternatif kepada staf jika Ketua Jabatan (Ketua PTJ/ Dekan) gagal mengemukakan perakuan bagi pengesahan staf berkenaan, staf boleh secara terus memohon kepada Panel Pengesahan & Peperiksaan Perkhidmatan Staf UTeM untuk disahkan dan satu salinan permohonan itu hendaklah dihantar kepada Ketua Jabatan. Setelah menerima permohonan berkenaan, Panel Pengesahan & Peperiksaan Perkhidmatan Staf UTeM hendaklah menjalankan satu siasatan dan apabila selesai siasatan itu Panel Pengesahan & Peperiksaan Perkhidmatan UTeM dikehendaki mengesahkan staf terbabit sekiranya

didapati staf itu layak diberi pengesahan. Prosedur atau peraturan staf tidak memperoleh perakuan Ketua Jabatan boleh dirujuk di dalam **P.U. (A) 176. Perlembagaan Persekutuan n Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 Perlanjutan Tempoh Percubaan Perenggan 27. (1).**

DILANJUTKAN TEMPOH PERCUBAAN DENGAN BERDENDA ATAU TIDAK BERDENDA

Seseorang Staf yang dilantik di UTeM dikehendaki berkhidmat di dalam percubaan bagi tempoh satu hingga tiga (1-3) tahun. Sekiranya di dalam tempoh berkenaan staf yang terlibat masih belum disahkan perkhidmatannya kerana tidak memenuhi syarat-syarat pengesahan perkhidmatan seperti tidak lulus Peperiksaan Perkhidmatan, gagal di dalam Kursus Induksi dan gagal mendapat perakuan Ketua Jabatan, Panel Pengesahan & Peperiksaan Perkhidmatan Staf UTeM boleh melanjutkan tempoh percubaan seseorang staf sama ada dengan atau tanpa denda. Staf yang telah melebihi tempoh percubaan 1 hingga 3 tahun dikehendaki untuk mengemukakan permohonan secara rasmi bagi pelanjutan tempoh percubaannya kepada Panel Pengesahan & Peperiksaan Perkhidmatan UTeM melalui Ketua Jabatannya dalam tempoh tiga bulan selepas tamat tempoh percubaannya. Ketua Jabatan dikehendaki untuk memberi perakuan terhadap permohonan berkenaan dan mengemukakan permohonan berkenaan dengan borang yang disediakan oleh Unit Pengesahan Perkhidmatan, Pejabat Pendaftar serta mengisi maklumat-maklumat penting seperti berikut:

- (a) Sebab Staf terbabit tidak disahkan;
- (b) Syor Ketua Jabatan sama ada pelanjutan tempoh percubaan patut diberi atau tidak dan sekiranya patut diberi sama ada dengan atau tanpa denda;
- (c) Maklumat perkhidmatan staf yang dikemas kini; dan
- (d) Senarai Peperiksaan Perkhidmatan (jika ada) yang telah diduduki oleh staf berkenaan berserta tarikh dan keputusan peperiksaan Perkhidmatan yang telah diambil.

Hadith : Dari Usamah bin Zaid r.a, katanya Nabi s.a.w bersabda: "Sesungguhnya riba itu boleh berlaku pada jual beli secara hutang (kredit)." - (Muslim)

Panel Pengesahan & Peperiksaan Perkhidmatan UTeM hanya akan meluluskan melanjutkan tempoh percubaan staf berkenaan setelah berpuas hati dengan alasan munasabah oleh Ketua Jabatan bahawa staf berkenaan berupaya mematuhi syarat-syarat bagi pengesahan semasa tempoh perlanjutan tersebut. Tempoh percubaan seseorang staf hanya boleh dilanjutkan tidak melebihi dua tahun.

Walau bagaimanapun Panel Pengesahan & Peperiksaan Perkhidmatan UTeM di dalam keadaan tertentu boleh melanjutkan tempoh percubaan melebihi dua tahun jika difikirkannya perlu. Sebarang keputusan yang dibuat oleh Panel Pengesahan & Peperiksaan Perkhidmatan berkenaan dengan permohonan perlanjutan tempoh percubaan seseorang staf hendaklah disampaikan kepada staf terbabit dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan itu atau tarikh mesyuarat itu bersidang. Prosedur atau peraturan perlanjutan tempoh percubaan boleh dirujuk di dalam P.U. (A) 176. **Perlembagaan Persekutuan - Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 Perlanjutan Tempoh Percubaan Perenggan 28. (1).**

Kesan Perlanjutan Tempoh Percubaan Dengan denda

Seseorang staf yang tempoh percubaannya dilanjutkan dengan denda kerana tidak mendapat pengesahan perkhidmatan akan dikenakan tindakan (hukuman) seperti berikut :-

- (a) Hilang kekananannya bagi suatu tempoh yang sama dengan perlanjutan itu ;
- (b) Tidak layak mendapat apa-apa pergerakan gaji tahunan semasa tempoh perlanjutan percubaannya dengan denda ; dan
- (c) Diubah tarikh pergerakan gajinya mengikut tarikh pengesahannya berkuatkuasa.

Tindakan-tindakan yang dikenakan seperti di atas berdasarkan P.U. (A) 176. **Perlembagaan Persekutuan - Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 Perlanjutan Tempoh Percubaan Perenggan 30.**

Soal Jawab Pengesahan Perkhidmatan

1. S. Bilakah seseorang staf layak untuk diberi pengesahan jawatan?
J. Seseorang staf layak untuk diberi pengesahan jawatan setelah dilantik tetap di dalam perkhidmatan dan memenuhi syarat-syarat pengesahan seperti memenuhi tempoh percubaan 1 hingga 3 tahun, mengikuti Kursus Induksi dengan jayanya, lulus peperiksaan perkhidmatan staf yang disyaratkan dan diperakukan oleh Ketua Jabatan.
2. S. Adakah seseorang staf apabila telah disahkan dijawatan terdahulu tidak perlu membuat pengesahan di jawatan barunya misalnya seorang Jurutera Pengajar (Gred J 41) telah dilantik ke jawatan Pensyarah Universiti Gred DS 45?
J. Seseorang staf apabila bertukar Skim perkhidmatan misalnya dari seorang Jurutera (Gred J 41) ke perkhidmatan yang lebih tinggi atau skim yang lain misalnya ke jawatan Pensyarah Universiti (Gred DS 45) perlu membuat pengesahan semula. Langkah pertama yang perlu dilaksanakan oleh staf yang terlibat ialah membuat permohonan pengecualian

menduduki kursus Induksi & peperiksaan perkhidmatan kepada Unit Pengesahan Perkhidmatan, Pejabat Pendaftar. Langkah seterusnya ialah mendapatkan semula perakuan Ketua Jabatan bagi jawatan barunya sebelum dibawa ke Panel Pengesahan & Peperiksaan Perkhidmatan Staf UTEM untuk tujuan pengesahan. Begitu juga dengan Skim-skim lain misalnya dari jawatan Guru Bahasa (Gred DG 41) ke Pensyarah Universiti Gred (DS 45), jawatan Penolong Pendaftar (Gred N 41) ke Pensyarah Universiti (Gred DS 45), jawatan Pembantu Am Rendah (Gred R 11) ke Pembantu Perpustakaan (Gred S 17) dan sebagainya. Kegagalan staf terlibat untuk mematuhi prosedur pengesahan di jawatan barunya akan menyebabkan beliau akan lambat disahkan atau tidak dapat disahkan di dalam jawatannya.

3. S. Adakah staf berstatus sementara layak untuk menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Staf dan mengikuti Kursus Induksi Umum dan Khusus ?
J. Tidak layak. Staf yang berstatus tetap sahaja layak untuk menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Staf dan mengikuti Kursus Induksi Umum dan Khusus.
4. S. Sekiranya seorang staf tidak dapat disahkan dalam perkhidmatan (tamat tempoh percubaan 1-3 tahun) apakah prosedur dan tindakan yang perlu dilakukan oleh staf terlibat ?
J. Seorang staf yang telah tamat tempoh percubaannya (1-3 tahun) perlu mengisi Borang Perlanjutan Tempoh Percubaan yang boleh diperolehi di Unit Pengesahan Perkhidmatan, Pejabat Pendaftar di dalam tempoh tiga bulan selepas tamat tempoh percubaan 1-3 tahun. Selain itu, staf perlu mendapatkan sokongan Ketua Jabatan sama ada beliau layak untuk diberi perlanjutan tempoh percubaan dengan denda atau tidak atau ditamatkan dalam perkhidmatan (keputusan akhir yang menentukan perlanjutan tempoh percubaan staf dengan berdenda atau tidak ataupun ditamatkan di dalam perkhidmatan ditentukan oleh Panel Pengesahan & Peperiksaan UTeM).
5. S. Apakah faedah-faedah yang diperolehi oleh seorang staf setelah disahkan di dalam jawatannya di UTeM ?
J. Faedah-faedah yang diperolehi oleh staf setelah disahkan di dalam jawatannya antaranya adalah seperti berikut :-
 1. Layak untuk membuat Pinjaman Perumahan (PPP / PPI).
 2. Layak untuk menduduki Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK).
 3. Layak untuk memilih dan menerima faedah Skim Pencen.
 4. Telah memenuhi prasyarat penting untuk kenaikan pangkat.
 5. Sekiranya seorang Staf mengalami masalah kesihatan yang melayakkan untuk dibersarakan awal, pengesahan perkhidmatan adalah syarat penting sebelum seseorang Staf diberi faedah berkenaan.
 6. Kemudahan menunaikan Cuti Haji (Cuti Tanpa Rekod) – Perintah Am Bab C
 7. Kemudahan untuk Cuti Belajar

Hadith :

Rasulullah s.a.w telah bersabda yang maksudnya: "Janganlah kamu datang ke rumah orang berhadapan pintunya, tetapi datanglah dari bahagian tepinya dan mintalah izin, jika diizinkan untuk kamu, masuklah, kalau tidak, balikkah." - (At-Tabrani)

UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA : TERIMA BAJET LATIHAN TAHUN 2007 SEBANYAK RM 825,0000

UTeM 12 Mac 2007 - Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia telah bersidang pada hari ini di Bilik Mesyuarat Canselori yang telah di perengusikan sendiri oleh YBhg Datuk Profesor Ismail bin Hassan, Naib Canselor UTeM. Secara dasar, mesyuarat bersetuju dan berpuas hati dengan pembentangan laporan latihan tahun 2006 yang telah dibentangkan oleh pejabat Pendaftar. Ringkasan laporan adalah meliputi kursus anjuran dalam, kursus anjuran luar serta pembentangan kertas kerja dalam negara dan luar negara (Rujuk lampiran).

YBhg Datuk Naib Canselor telah mencadangkan agar setiap staf yang telah membentangkan kertas kerja di luar negara diwajibkan untuk mengadakan seminar peringkat universiti dan ia juga terbuka kepada warga UTeM dan peserta luar. Satu jawatankuasa akan di bentuk bagi menyelaraskan seminar berkenaan dan ia akan dipengerusikan oleh YBhg Datuk Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

Mesyuarat turut bersetuju dengan perancangan kalendar latihan staf 2007 setelah melihat pemilihan keutamaan keperluan kursus telah dilakukan mengikut proses analisis keperluan latihan (TNA) dengan membahagikan kategori bagi keperluan latihan staf akademik dan staf bukan akademik. Latihan yang dirancang adalah menyeluruh mengikut keperluan latihan staf bagi semua gred dan skim perkhidmatan dengan pembahagian kategori berikut :


1. Pengurusan & Pentadbiran
 2. Teknikal
 3. Teknologi Maklumat
 4. Pembangunan Kecemerlangan Diri
 5. Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
- Produktiviti & Kualiti

Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia sebulat suara meluluskan bajet latihan staf tahun 2007 seperti yang diperuntukkan sebanyak RM 825,000.00. Selain itu, mesyuarat turut menyarankan agar Pejabat Pendaftar mengadakan kursus 'Balanced Scorecard' dengan melibatkan semua Ketua PTJ pada tahun ini. Bagi mencapai sasaran latihan 40 jam setahun bagi setiap staf, mesyuarat telah meminta Pejabat Pendaftar untuk mendapatkan segala maklumat berkenaan aktiviti latihan yang melibatkan staf dari setiap PTJ untuk direkodkan.

Selain itu, bagi tujuan mempromosi aktiviti universiti kepada warga universiti dan masyarakat luar, YBhg Naib Canselor telah menyarankan agar Pejabat Pendaftar mengiklankan setiap aktiviti latihan melalui paparan 'banner' di kawasan universiti dan kawasan masyarakat luar selain dari hebahan melalui e-mail yang dilakukan sekarang. Tempat sesuai untuk hebahan umum telah dikenal pasti antaranya ialah di Kampus Bandar.

Sehubungan itu, program latihan perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua staf UTeM walaupun peruntukan kewangan yang diperolehi begitu terhad. Diharapkan dengan latihan yang komprehensif dan mencukupi akan menjadikan staf-staf UTeM lebih kompetitif kepada organisasi untuk bersaing diperingkat global.

LAPORAN KURSUS TAHUN 2006



Hadith :

Rasulullah s.a.w telah bersabda yang maksudnya: "Dialiklah anak-anak kamu atas tiga sifat iaitu: cintakan nabi mereka, cintakan keluarga Nabi dan membaca al-Quran." - (At-Tabrani)

PERKEMBANGAN TERKINI STAF :

UTeM, Jan 07 – Dalam melakukan perubahan demi perubahan di dalam pentadbiran Universiti, pertukaran atau pinjaman staf dari jabatan asal ke jabatan lain adalah perkara normal. Ini adalah bagi memastikan kelancaran pentadbiran peringkat Universiti sentiasa seiring dengan keperluan semua pihak dari masa ke semasa. Oleh yang demikian, terdapat beberapa staf yang mengalami pertukaran penempatan adalah seperti di dalam jadual berikut:



Staf Yang Bercuti Tanpa Gaji

UTeM, Jan 07 - Selain daripada staf-staf yang mengalami perubahan penempatan, terdapat staf UTeM yang mengambil cuti tanpa gaji bagi bagi tujuan-tujuan khusus seperti butiran di bawah:

BIL	NAMA	UNIT/JABATAN/ FAKULTI	SEBAB BERCUTI	TARIKH/TEMPOH
1	Noorhayati bte Abu Bakar	FKEKK	Mengikut pasangan	6 Januari 2003 – 30 September 2007
2	Juraifa bte Jais	FKEKK	Mengikut pasangan	6 Januari 2004 – 3 Mac 2008
3	Azzila bte Ahmad	Bendahari	Mengikut pasangan	1 Julai 2006 – 30 Jun 2009
4	Ong Siaw Thien	UNIC	Mengikut pasangan	25 Oktober 2006 - 24 Oktober 2009
5	Norihan bte Abdul Hamid	FKEKK	Mengikut pasangan	1 Januari 2007 - 30 September 2007
6	Siti Salwah bte Ahmad	Pejabat Pendaftar	Mengikut pasangan	8 Januari 2007 - 31 Januari 2009
7	Mohd Akhtar bin Ab. Karim	Penerbit Universiti	Mengikut pasangan	8 Januari 2007 - 21 Januari 2010

Staf Yang Telah Bersara

UTeM,07 – Bagi tahun 2007 terdapat tiga orang staf Universiti yang bersara wajib setelah mencapai umur 56 tahun berkhidmat di Sektor Awam. Staf-staf berkenaan adalah seperti butiran berikut:

BIL	NAMA	Tarikh	UNIT/JABATAN/FAKULTI
1	Omar bin Arshad	19/2/07	Bahagian Keselamatan
2	Mokhtar bin Alias	3/3/07	Bahagian Keselamatan
3	Tan Kim See	14/1/07	FKEKK

DUA SIRI KURSUS INDUKSI TELAH DIADAKAN DENGAN JAYANYA

Kursus induksi merupakan salah satu syarat utama pengesahan dalam perkhidmatan. Ini berdasarkan Perenggan 67, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991 yang mensyaratkan supaya semua anggota Perkhidmatan Awam dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan yang dilantik dan yang dinaikkan pangkat secara lantikan (KPSL) pada atau selepas 1 Januari 1992 dikehendaki mengikuti kursus induksi dengan jayanya sebagai salah satu syarat pengesahan dalam perkhidmatan.



Barisan peserta-peserta Induksi Umum & Khusus Kumpulan Sokongan I & II yang berlangsung pada 8-21 April 2007 di Kayns Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Hadith :

Dari Anas r.a katanya: "Rasulullah saw bersabda: "Apabila kamu berdoa, hendaklah kamu bersungguh-sungguh, yakin dalam doa (bahawa Allah taala mendengar dan mengabulkan). Janganlah kamu berdoa dengan kalimah: "Ya Allah, jika Engkau mahu, berilah aku!" Kerana sesungguhnya Allah Taala tidak dipaksa memenuhi sesuatu doa."



Pelbagai informasi dikongsikan oleh penceramah bersama peserta untuk memberi panduan dan pendedahan yang menyeluruh tentang perkhidmatan awam.



Kursus Induksi yang dianjurkan bukan sahaja menjadi syarat kepada Pengesahan Perkhidmatan seseorang staf, tetapi juga memupuk jati diri kepada negara.



Barisan peserta-peserta Induksi Umum & Khusus Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P) yang berlangsung pada 6-24 Mei 2007 bergambar kenangan bersama Encik Hasan bin Sirun, Tuan Pendaftar UteM di Bayu Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan..

Hadith :

Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

"Tiga Golongan manusia yang Allah tidak akan bercakap dengan mereka di hari kiamat, tidak menganggap mereka sebagai orang yang bersih, tidak melihat kepada mereka, dan mereka akan dimasukkan ke dalam neraka dengan azab yang sangat pedih. Mereka ialah orang tua yang berzina, raja atau pemimpin yang suka berbohong dan orang miskin yang sombong". - Riwayat Muslim

Pengenalan kursus induksi oleh kerajaan sebenarnya adalah untuk memberi pendedahan yang sama kepada semua pegawai awam yang baru dilantik untuk mengetahui dan memahami tentang perihal organisasi, matlamat kerajaan, dasar-dasar awam dan keutamaan negara. Selain itu kursus induksi merupakan satu 'platform' yang paling sesuai bagi staf baru mempelajari dan memahami tentang sistem pentadbiran, prosedur-prosedur utama, arahan-arahan dan pekeliling-pekeliling serta panduan kerajaan. Di samping untuk memberi latihan serta memupuk nilai-nilai unggul di kalangan pegawai-pegawai di dalam perkhidmatan awam. Di dalam konteks UTeM, Unit Pengesahan Perkhidmatan Pejabat Pendaftar telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan dan mengendali kursus induksi disamping hal-hal yang berkaitan dengan pengesahan perkhidmatan. Sehingga bulan Jun 2007, Unit Pengesahan Perkhidmatan Pejabat Pendaftar telah berjaya mengadakan dua (2) kali kursus induksi yang terdiri dari kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan. Kumpulan pertama yang mengikuti kursus induksi pada tahun 2007 adalah terdiri daripada enam puluh (60) orang staf Kumpulan Sokongan. Mengikut jantina staf lelaki seramai tiga puluh enam (36) orang dan staf wanita seramai dua puluh empat (24) orang meliputi staf-staf pentadbiran dan sokongan teknikal yang mewakili semua fakulti dan pejabat di UTeM. Kursus induksi ini telah diadakan selama dua (2) minggu bermula 8 April sehingga 21 April 2007 bertempat di Kayns Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Sementara itu bagi aktiviti kajian luar pula telah diadakan selama tiga (3) hari bertempat di Lembah Nur Pangsun, Hulu Langat, Selangor. Antara aktiviti yang dijalankan semasa kajian luar seperti berakit, 'survival' di dalam hutan, 'war game', berjalan malam dan sebagainya.

Setelah selesai mengendalikan kursus induksi bagi Kumpulan Sokongan selama 14 hari, Unit Pengesahan Perkhidmatan Pejabat Pendaftar menguruskan pula kursus induksi bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional yang bermula pada 6 Mei hingga 24 Mei 2007. Kumpulan ini seramai lima puluh lapan (58) orang yang terdiri daripada staf akademik dan pentadbiran yang mewakili semua fakulti dan pejabat di UTeM. Peringkat awal, jumlah peserta yang terlibat adalah seramai enam puluh (60) orang staf. Namun 2 orang staf menarik diri pada minggu pertama semasa kursus induksi dijalankan. Kedua-duanya dari Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) dan faktor penarikan diri ini disebabkan masalah kesihatan. Kursus induksi bagi kumpulan ini telah diadakan di Bayu Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan dan dijalankan selama tiga (3) minggu. Manakala untuk aktiviti kajian luar daerah Rompin, Pahang telah dijadikan destinasi. Antara aktiviti yang dilakukan termasuk berkayak, 'Compass marching', 'survival', berjalan di dalam hutan dan sebagainya.

Secara keseluruhan, para peserta yang terlibat dengan kedua-dua kursus induksi ini telah menunjukkan komitmen serta semangat yang tinggi. Walaupun program-program yang diatur agak padat serta mencabar ketahanan fizikal, mental dan emosi, semua peserta berjaya mengharungi dan menyelesaikan setiap tugas dengan sempurna. Pengalaman-pengalaman yang diperolehi oleh semua peserta sewajarnya dimanfaatkan bagi kepentingan universiti, agama, bangsa dan negara.

Ke Arah Pengiktirafan Persijilan MS ISO 9001:2000

Pejabat Pendaftar Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Pejabat Pendaftar ditubuhkan pada 1 Disember 2000 dengan misi untuk menerajui pengurusan dan pembangunan sumber manusia, pengurusan akademik serta perkhidmatan berorientasikan pentadbiran yang berkualiti, efektif dan dinamik bagi memenuhi kehendak pelanggan. Pejabat Pendaftar bertanggungjawab menyediakan peluang latihan dan pembangunan staf, persekitaran kerja dan pembelajaran yang kondusif dan berkualiti serta perkhidmatan yang efisien bagi memenuhi kehendak dan jangkaan pelanggan. Melaksanakan dasar ketetapan pihak berkuasa dengan berhemah di samping menggalakkan perkongsian pintar dan pemindahan teknologi dalam pengurusan dan pembelajaran juga menjadi objektif utama Pejabat Pendaftar.



Di antara pegawai-pegawai tadbir Pejabat Pendaftar yang hadir untuk menjayakan bengkel dokumentasi ISO 9001:2000. Belakang dari kiri: En. Azhar bin Mohamed, En Mohd Ab Malek Bin Md Shah, En. Jais Bin Sapuan, En. Farudin Hanif Bin Ya'amah, En. Azly Hisham Bin Haron, En Masdzarif Bin Mahat, En Muhamad Sopian Bin Baharom, Pn. Norihan Binti Abu Nawar, Cik Rozinah Binti Yakop, Cik Nur Azriah Binti Amir dan Pn. Siti Norani Binti Dolah, Depan dari kiri: Tuan Hj. Razali Bin Abd. Jaill, Kapten (B) Abdul Wahid Bin Sulaiman, En. Hasan Bin Sirun, P.M Shahdan Bin Md Lani, En. Zainal Bin Bidin, En. Wahi Bin Nordin dan En. Mohd Nizam Bin Pavel.

Bagi merealisasikan tanggungjawab sebagai pusat rujukan dan kecemerlangan pentadbiran universiti, persijilan MS ISO 9001:2000 dilihat sebagai satu medium yang amat relevan. Ia bukan sahaja untuk mendapatkan pengiktirafan antarabangsa malah melancarkan operasi pentadbiran di universiti secara keseluruhannya. Justeru itu, Pejabat Pendaftar mengambil langkah bekerjasama dengan Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi UTeM untuk memperoleh pengiktirafan Persijilan MS ISO 9001:2000. Perjalanan Pejabat Pendaftar ke arah pengiktirafan MS ISO 9001:2000 adalah seiring dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti UTeM. Asas pelaksanaannya adalah berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (SPLPA) Bil.2 Tahun 2002 yang telah menetapkan Garis Panduan bagi melaksanakan MS ISO 9001:2000 dalam Perkhidmatan Awam.

Selaras dengan hasrat Pejabat Pendaftar, Encik Hasan bin Sirun selaku Pendaftar telah dilantik sebagai Pengerusi Majlis Kualiti dan Penasihat Jawatankuasa Pemandu Penyediaan Persijilan MS ISO 9001:2000 Pejabat Pendaftar. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Encik Zainal bin Bidin dan tujuh ahli lain dari Pejabat Pendaftar. Peranan jawatankuasa amat penting sebagai tenaga penggerak dalam merealisasikan persijilan MS ISO 9001:2000 Pejabat Pendaftar. Tugas mereka adalah termasuk meneghal pasti peraturan prosedur yang akan didokumentasikan dalam MS ISO 9001:2000 juga membentuk Dokumen Manual Kualiti dan Standard of Procedure (SOP). Di samping itu, Dokumen MS ISO 9001:2000 yang lengkap, kelulusan dari SIRIM dan pelaksanaan serta penguatkuasaan MS ISO 9001:2000 itu sendiri akan dipantau oleh jawatankuasa yang dilantik ini. Empat jawatankuasa kerja yang dilantik adalah Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan, Jawatankuasa Dokumentasi, Jawatankuasa Kempen, Promosi dan Latihan serta Jawatankuasa Audit.

Prof Madya Shahdan bin Mat Lani, Pengarah Pusat Jaminan Kualiti & Akreditasi, telah dilantik sebagai perunding untuk melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000 di Pejabat Pendaftar. Jawatankuasa Pelaksanaan yang diketuai oleh Encik Mohd Nizam bin Pavel dan Kapten (B) Abd Wahid bin Sulaiman menjalankan tugas seperti mendefinisikan proses-proses dan prosedur, penyemakan dokumen sistem kualiti serta memainkan peranan untuk memastikan perancangan sistem kualiti di Pejabat Pendaftar mematuhi pelan yang dirancang.

Jawatankuasa Kerja Dokumentasi pula ditugaskan untuk penyediaan manual, prosedur dan arahan kerja,



Pn. Norihan sedang membentangkan hasil dokumentasi beliau kepada semua pegawai yang hadir sambil diperhatikan oleh P.M Shahdan selaku Perunding Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001 di Pejabat Pendaftar

Hadith :
Dari Abu Bakar r.a bahawa "Nabi Muhammad SAW biasanya apabila menerima berita yang menggembirakan baginda terus sujud kepada Allah." - (Ahmad)



En Zainal serta pegawai-pegawai yang terlibat memberikan fokus sepenuhnya bagi menyiapkan dokumentasi yang diperlukan.

menentukan struktur atau format dokumen yang akan disediakan serta menentukan dokumen tersebut mematuhi piawaian ISO 9001:2000. Jawatankuasa ini diketuai oleh Encik Masdzarif bin Mahat dan Encik Misdom bin Lan ini juga bertanggungjawab mengenal pasti dan mendapatkan sumber-sumber yang diperlukan. Encik Mohd Sopian bin Baharom dan Tuan Hj Razali bin Abd Jalil pula mengetuai Jawatankuasa Kempen, Promosi dan Latihan. Jawatankuasa ini memberi tumpuan kepada kaedah penyampaian mesej tentang ISO 9001:2000, mengenal pasti dan melaksanakan kaedah yang diperlukan, juga memantau keberkesanan latihan. Jawatankuasa Audit yang diketuai oleh Encik Wahi bin Nordin pula dipertanggungjawabkan merancang, melaksana dan melaporkan audit seperti yang dijadualkan. Bidang tugas mereka juga melibatkan penambahbaikan berdasarkan laporan audit serta memantau kemajuan tindakan pembetulan dan pencegahan yang perlu.

Pelaksanaan Pelan Aktiviti amat penting dalam proses memperoleh persijilan ISO 9001:2000 ini. Justeru, sehingga Jun 2007, penubuhan Majlis Kualiti, Jawatankuasa Pemandu serta Jawatankuasa Kerja telah diwujudkan. Wakil Pengurusan (MR) juga telah dilantik. Bengkel, Manual, Prosedur, dan Arahan Kerja juga dilaksanakan secara konsisten dalam proses penyediaan dokumen oleh Jawatankuasa Dokumentasi. Lawatan Kerja ke SIRIM dan Universiti Kebangsaan Malaysia juga telah dibuat untuk berkongsi maklumat dan pendapat dengan pihak mereka. Beberapa siri kempen dan ceramah juga akan dijalankan tidak lama lagi.

Kesimpulannya, diharapkan proses persijilan ISO 9001:2000 ini dapat dilaksanakan dengan jayanya agar matlamat menjadikan Pejabat Pendaftar sebagai pusat pengurusan dan perkhidmatan yang berkualiti akan tercapai.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Kelab Staf Pejabat Pendaftar (STAR)

Pejabat Pendaftar, 30 Mac 2007 -Kelab Staf Pejabat Pendaftar atau dikenali sebagai STAR telah ditubuhkan mulai tahun 2002. Cetusan idea penubuhan kelab ini telah diilhamkan sendiri oleh Encik Hasan bin Sirun merangkap Penaung bagi kelab ini. Tujuan ditubuhkan kelab ini ialah untuk menjaga kebajikan staf dan mengeratkan silaturahim melalui aktiviti yang dirancang dan dijalankan sepanjang tahun. Keahlian kelab ini terbuka kepada semua staf yang berkhidmat di Pejabat Pendaftar yang berstatus tetap, sementara, kontrak dan tidak tertakluk kepada staf sambilan atau pelajar-pelajar yang menjalani praktikal di Pejabat Pendaftar.

Sepanjang tahun ini pelbagai aktiviti telah diatur oleh Ahli Jawatankuasa yang dilantik untuk kebaikan semua ahli STAR. Antara aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan dan turut menjadi aktiviti tahunan sebelum ini ialah pemberian sumbangan



Ahli Jawatankuasa Kelab Staf Pejabat Pendaftar Seal 2007. Dari kanan: En Mohd Hamdan bin Abdul Talib, Tuan Hj Razali bin Abd. Jalil, En Md Razip bin Zaba, Pn Razifah binti Haji Mat Rais, Pn Siti Suhailah bte Zainal, Uki Warhamah binti Ahmed, Pn Suhana binti Ariffin, Pn Izzatika Naimi binti Selamat, En Ab. Rahim bin Muslim, En Asmadi bin Md Daud, En Farudin Hanif bin Yasmah

Hadith :

Dari Abdur Rahman bin Samurah r.a katanya: "Rasulullah s.a.w bersabda kepadaku: "Hai Abdur Rahman! Janganlah engkau memintaminta hendak jadi pembesar negara kerana jika engkau jadi pembesar kerana permintaan, tanggungjawabmu akan besar sekali. Dan jika engkau diangkat tanpa permintaan, engkau akan dibantu orang dalam tugasmu." - (Muslim)



Bila lah pulak saya nak dapat ni???

Lawa 'Sampin'... Beli kat mana????


Jauhhh... Datuk!!! Beli kat sempadan Kelantan - Terengganu!!!!



Dah kenyang ni, mata pun dah mengantuk. Bila lah nak habis majlis ni????

Perut kenyang.... hati pun senang. Lepas ni Nak nyanyi pulak lah...

Siapalah yang nak bayar bil ni karang...



Duduk kat sini kene control MACHO sikit... he he he he....

Hadith : Dari Abu Hurairah r.a katanya, Rasulullah s.a.w bersabda: "Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa dan hartamu tetapi Allah melihat kepada hati dan amalmu." - (Muslim)

Majlis Pelancaran Nama

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

(UTeM)

UTeM 1 Februari 2007 : Tanggal 1 Februari 2007 dinantikan oleh seluruh warga universiti kerana tarikh keramat tersebut merupakan tarikh penukaran nama universiti dahulu dikenali dengan nama Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) ditukar kini dengan nama baru iaitu Universiti Teknikal Malaysia Melaka atau nama singkatannya UTeM. Secara umumnya, majlis yang diadakan ini bertujuan untuk menwar-warkan nama baru ini kepada seluruh warga universiti khususnya dan masyarakat luar amnya yang telah mengumpulkan hampir tiga ribu (3000) orang staf dan pelajar.

Majlis ini hanya sebagai "soft launch" sahaja kerana pelancaran nama universiti secara besar-besaran beserta logo barunya akan dilancarkan pada 2 April 2007 yang akan diadakan di Kampus Tetap Durian Tunggal. Antara tetamu kehormat yang dijangka hadir di dalam pelancaran besar-besaran nama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) termasuk Tun Canselor UTeM, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Ketua Menteri Melaka, semua Naib Canselor IPTA, wakil IPTA/IPTS di negeri Melaka dan semua Pengarah dan Ketua Agensi negeri Melaka. Pejabat Pendaftar telah dipertanggungjawabkan sebagai tuan rumah bagi mengurus dan mengendalikan kedua-dua majlis penting ini.

Majlis pelancaran 'Soft launch' ini telah dihadiri oleh Pengurusan Utama Universiti, semua staf, pimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan para pelajar yang telah diadakan di Kafeteria, UTeM. Di dalam majlis ini seluruh warga UTeM telah diberi imbasan semula melalui multimedia tentang sejarah awal penubuhan KUTKM, perkembangan-perkembangan yang berlaku sepanjang penubuhannya, kejayaan-kejayaan gemilang yang berjaya diperolehi serta turut ditayangkan tentang kepesatan pembangunan fizikal (pembangunan infrastruktur) kampus tetap di Durian Tunggal. Tayangan multimedia tersebut telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada warga universiti terutamanya kakitangan yang telah bertungkus lumus membangunkan universiti dari awal penubuhannya hingga tarikh penukaran nama universiti.

Di dalam ucapan Naib Canselor UTeM YBhg. Datuk Profesor Ismail bin Hassan, beliau mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh warga universiti sempena pertukaran nama universiti ini. Beliau berharap dengan penukaran nama universiti ini akan memberi kesan yang positif dan gelombang perubahan yang akan memacu ke arah kejayaan yang lebih gemilang kepada universiti. Tambah beliau lagi dengan penukaran nama universiti ini seluruh warga universiti dapat mengembleng tenaga bersatu hati untuk bersama-sama mencapai Visi dan Misi Universiti. Akhir sekali di dalam ucapannya beliau berharap segala masalah dan kesulitan dengan nama Universiti dengan adanya perkataan "Kolej" akan menyelesaikan banyak masalah yang dihadapi.

Walaupun majlis yang dilangsungkan agak pendek dan ringkas ternyata kepuasan tergambar disetiap wajah warga UTeM kerana penukaran nama universiti ini sekurang – kurangnya dapat mengubah pelbagai persepsi negatif masyarakat sebelum ini.

Hadith :

Dari Anas bin Malik r.a katanya: "Rasulullah s.a.w bertemu dengan beberapa orang anak lalu baginda memberi salam kepada mereka." - (Muslim)



Y.Bhg Dato' Prof. Ismail bin Hassan (Naib Canselor UTeM) memberi ucapan Besempena Majlis 'Soft Launch' tersebut



Barisan Pengurusan Tertinggi UTeM, dari kiri: Prof. Dr. Abu bin Abdullah (Tim. Naib Canselor Akademik & Antarabangsa), En. Hasan bin Sirun (Tuan Pendaftar), Datuk Prof. Madya, Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah (Tim. Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi).



Saat-saat gemilang bagi warga UTeM ketika Y.Bhg Naib Canselor melancarkan nama baru dari Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)



Warga UTeM menyanyikan lagu Kebangsaan bersama-sama Pengurusan Tertinggi.